



PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

SELASA: 20 MEI 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 13 HINGGA 66)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
DAN 10, 11, 12
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI ONG KA TING**
(KULAI)
TARIKH : **20.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta Menteri Pelajaran menyatakan negara cadangan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi peruntukan secara adil dan saksama mengikut keperluan tanpa membezakan sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap pembangunan sekolah-sekolah sama ada sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT), sekolah mubaligh dan sekolah agama bantuan kerajaan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) sahaja, KPM telah memperuntukkan RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf. KPM juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta bagi sekolah bantuan kerajaan.

Kerajaan juga memberikan sumbangan bantuan penuh kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan per kapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sumbangan ini diberikan **secara sama rata** kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut. KPM sedia menyalurkan bantuan kewangan yang diperlukan, dengan tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diperuntukkan kepada KPM. Untuk makluman, bagi peruntukan belanja mengurus tahun 2008 sahaja, kerajaan telah menyediakan perbelanjaan sebanyak RM1.4 bilion kepada SJKC dan RM552.9 juta kepada SJKT.

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA: YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]
TARIKH: 20 MEI 2008
SOALAN:

13. PR-1211-L12511
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah sebabnya prestasi negara dalam bidang sukan terutamanya di peringkat antarabangsa tidak mencapai tahap yang membanggakan.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)
NO. PERTANYAAN : NO.14

Tuan Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sehingga kini berapa peratuskah pencapaian kolej-kolej swasta yang telah dipilih menjadi kolej bersekutu UiTM dalam menasaskan enrolmen 200,000 pelajar menjelang tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, "Projek 200,000 Enrolmen Universiti Teknologi Mara (UiTM) : Sebuah Projek Berimpak Besar RMK-9^a telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi di UiTM Shah Alam pada 12 Mac 2007.

Projek tersebut menasaskan enrolmen UiTM seramai 200,000 pelajar menjelang tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, enrolmen pelajar seramai 170,000 disasarkan di bawah UiTM dan 30,000 lagi di bawah Kolej-Kolej Bersekutu UiTM.

Pada tahun 2007, enrolmen pelajar UiTM adalah seramai 118,381 orang dengan 107,050 adalah pelajar sepenuh masa, 11,139 pelajar separuh masa dan 5,125 adalah pelajar di bawah Kolej Bersekutu UiTM. Pada tahun 2006, enrolmen pelajar di bawah Kolej Bersekutu adalah seramai 4,674 orang iaitu meningkat sebanyak 10% berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan bilangan enrolmen pelajar di Kolej-kolej Bersekutu dari tahun ke tahun, memberi petanda baik dalam usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 20 MEI 2008
RUJUKAN : 887

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria yang diambil kira dalam pemberian status penduduk tetap dan kerakyatan kepada warga asing. Berapa orang yang telah memohon dan berapa pula telah diberi status tersebut. Adakah status ini boleh ditarik balik jika seseorang didapati sudah melanggar peraturan negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang akan berkecualan memohon taraf pemastautin tetap setelah memperoleh permit masuk di bawah Akta Imigresen manakala kelayakan permohonan taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Mengenai kriteria yang diambil di dalam pemberian taraf pemastautin tetap dan kewarganegaraan adalah tertakluk kepada budi bicara pihak berkuasa iaitu Kerajaan Persekutuan. Secara umumnya, kriteria yang diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan di dalam pemberian taraf tersebut ialah orang-orang yang dapat membuktikan niatnya untuk menetap di negara ini yang bersedia untuk menjadi warganegara yang taat dan setia kepada negara.

Dari tahun 2001 hingga Mac 2008 seramai 27,872 telah mengemukakan permohonan Permit Masuk bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap dan sebanyak 4,822 permohonan telah diberikan taraf tersebut. Manakala permohonan taraf

kewarganegaraan yang diterima sebanyak 15,435 dan 2,330 permohonan telah diluluskan.

Taraf Pemastautin Tetap dan taraf kewarganegaraan boleh diserahkan semula oleh pemegangnya atau ditarik balik oleh pihak Kerajaan. Penarikan balik taraf Pemastautin Tetap adalah melalui peruntukan yang dinyatakan oleh Akta Imgiresen sebagai orang yang tidak diingini. Mereka ini adalah terdiri daripada orang-orang yang telah didapati bersalah kerana melanggar undang-undang negara ini. Taraf kewarganegaraan pula boleh ditarik balik melalui proses perlucutan taraf kewarganegaraan. Tindakan perlucutan ini diambil kerana menyalahi peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU)**

TARIKH : 20.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar yang tercicir daripada mendapat pendidikan selepas gagal melanjutkan pelajaran ke IPT dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu membina masa depan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada data berhubung jumlah pelajar yang tidak meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya bagi pelajar lepasan Tingkatan 5, Tingkatan 6 ataupun Matrikulasi. Namun demikian KPM menyedari terdapat sebilangan bekas pelajar yang dimaksudkan tidak meneruskan pengajian mereka disebabkan beberapa faktor, antaranya;

- i. mereka tidak mencapai tahap kelayakan untuk meneruskan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
- ii. tidak mencukupi syarat untuk mengikuti program-program lepas menengah di bawah KPM seperti matrikulasi dan Tingkatan 6 (bagi murid tingkatan 5);
- iii. tidak berminat menyambung pelajaran dalam bidang akademik; dan
- iv. telah memilih untuk memasuki alam pekerjaan.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi menyediakan mereka berpeluang meneruskan pelajaran dalam bidang-bidang kemahiran untuk menyediakan mereka sebagai tenaga pekerja separa mahir dan seterusnya berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Antara usaha tersebut ialah;

- i. memperkenalkan Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV), iaitu satu program bercorak kemahiran di sekolah menengah harian dan perluasan kepada pendidikan vokasional di sekolah menengah teknik. Program ini disediakan khusus sebagai persediaan kepada murid-murid di Tingkatan 4 dan 5 yang cenderung dalam bidang kemahiran, merangkumi bidang usaha pembuatan, perkilangan, pertanian, ekonomi rumah tangga dan aplikasi komputer;
- ii. menyediakan lebih banyak sekolah menengah teknik bagi menyediakan peluang pendidikan kepada murid-murid yang berminat dalam bidang kemahiran;
- iii. penglibatan agensi-kerajaan, badan berkanun dan pihak swasta dalam menyediakan program-program pendidikan berkaitan dengan kemahiran seperti Giat Mara yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

KPM sentiasa menilai dasar-dasar sedia ada dan mencadangkan dasar-dasar alternatif yang lebih berkesan supaya pendidikan yang diberikan adalah terbaik untuk semua anak bangsa Malaysia.

No: 17.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Tuan Haji Ahmad Bin Haji Maslan
(Pontian)
Tarikh Menjawab : ~~20~~ 20 Mei 2008 [Selasa]
Soalan : [No. ~~34~~ 17

Tuan Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian) minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan setakat manakah tanaman alternatif seperti kenaf dan pokok jarak mempunyai potensi untuk masa depan serta apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan jika ia berpotensi agar dijadikan usaha pertanian besar-besaran untuk penduduk di luar Bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli yang berhormat dari Pontian, Kementerian saya telah mengenalpasti tanaman Kenaf dan Jatropha sebagai tanaman alternatif yang berpotensi yang boleh diusahakan oleh penduduk luar bandar.

Bagi tanaman Jatropha, Kementerian ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah akan membangunkan satu kawasan di Sabah sebagai projek printis tanaman Jatropha bagi mengkaji kesesuaian dan daya maju tanaman berkenaan untuk pengeluaran biodiesel. Sekiranya projek ini berjaya, barulah ianya akan dikembangkan kepada pekebun kecil. Namun begitu, usaha-usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran biji kering jatropha ke tahap yang menguntungkan melalui penghasilan varieti atau klon berpenghasilan tinggi sebelum tanaman ini disyorkan kepada pekebun kecil.

Tuan Yang Di Petua,

Bagi tanaman Kenaf pula, ianya telah dikenalpasti sebagai satu tanaman alternatif kepada tanaman tembakau yang boleh dimajukan. Sehubungan itu, Kementerian saya melalui Lembaga Tembakau Negara (LTN) telah berkerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan swasta menjalankan penyelidikan terhadap tanaman kenaf terutama dari segi amalan pertanian yang baik (GAP) dan kesesuaian jentera

pertanian untuk mekanisasi ladang daripada peringkat penanaman hingga kepada peringkat penuaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LTN telah memulakan penanaman Kenaf pada tahun 2004 sebagai tanaman pengenalan (*familiarisation crop*) kepada kakitangan LTN dan juga penanam tembakau. Pada tahun 2007, LTN telah menanam 400 hektar tanaman Kenaf dan pada tahun 2008, LTN merancang penanaman 1,510 hektar ladang Kenaf untuk dijadikan ladang contoh serta sebagai sumber membekalkan Kenaf kepada kilang-kilang memproses tempatan dan juga untuk dieksport.

Bagi menjamin pasaran dan harga kenaf yang stabil, LTN telah berkerjasama dengan beberapa syarikat tempatan dan luar negara untuk membangunkan aktiviti hiliran kenaf. Sehingga kini empat *anchor company* telah dibentuk untuk mewujudkan *Collection, Processing and Marketing Center (CPMC)* berasaskan biokomposit, pengasingan gentian bermutu tinggi, pengeluaran *powdered core* dan pengeluaran insulator di bawah aktiviti hiliran kenaf.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 20 MEI 2008
RUJUKAN : 888

SOALAN :

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes kecurian besi, logam, kabel, papan tanda awam dan wayar di prasarana awam sejak tahun 2005 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 27 MEI 2008
RUJUKAN : 960

SOALAN:

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah akan diambil untuk menghentikan jual-beli barang-barang curian supaya dapat mengurangkan kes curian barang-barang besi dan dawai "copper".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Simpang Renggam dan Bukit Mertajam yang telah mengemukakan pertanyaan. Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam bertarikh 27 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes-kes kecurian besi, logam, kabel, papan tanda awam dan wayar bagi tahun 2005 adalah sebanyak 262 kes, tahun 2006 (2,267 kes), tahun 2007 (2,946 kes) dan sehingga Mac 2008 (1,004 kes).

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan PDRM mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah ini dengan mengadakan operasi-operasi bersepadu antara PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor, *Indah Water Corporation* serta agensi-agensi lain yang berkaitan; mewujudkan dan menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja untuk menangani masalah kecurian kabel dan

logam; melakukan rondaan di kawasan-kawasan yang kerap berlakunya kejadian kecurian atau kerosakan kabel serta di kawasan premis perniagaan barang-barang lusuh pada waktu malam bagi memastikan tiada urusan jual beli selepas waktu perniagaan yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, bagi membendung masalah jual beli barang-barang curi melibatkan besi, logam dan dawai 'copper' PDRM juga telah membekukan pengeluaran lesen-lesen baru; mengadakan pemeriksaan mengejut dan berkala; membatalkan lesen perniagaan barang-barang lusuh sekiranya melanggar syarat; mengadakan sesi dialog dengan pelesen-pelesen barang-barang terpakai dan memberikan segala maklumat terhadap peraturan menjalankan perniagaan; dan menyemak dan meminda Akta Peniaga Sekendhend 1946 dipinda supaya lebih efektif dan relevan.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)
TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keuntungan kasar yang diperolehi oleh PETRONAS sejak penubuhan pada 1974 dan berapa banyak disimpan dan diagihkan kepada kerajaan. Berikan pecahan dan bentuk pengagihan. Adakah Kerajaan bercadang membahagikan separuh daripada keuntungan tahunan Petronas kepada rakyat dan kalau tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keuntungan Kumpulan PETRONAS sejak penubuhan pada 1974 sehingga 31 Mac 2007, sebelum ditolak cukai, royalti, dividen dan duti eksport adalah sebanyak RM570.0 billion. Pecahan dan bentuk pengagihan keuntungan ini adalah seperti berikut:

Bentuk Pengagihan Keuntungan	Jumlah (RM billion)	%
Perbelanjaan kepada Kerajaan dalam bentuk royalti, duti eksport, cukai dan dividen	357.8	62.8
Keuntungan yang diperuntukkan kepada pemegang saham royalti dan cukai luar negara	41.4	7.2
Keuntungan yang dilaburkan semula untuk operasi PETRONAS	170.8	30.0
Jumlah	570.0	100.0

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang yang diterima oleh Kerajaan dari PETRONAS sama ada dalam bentuk royalti, duti eksport, cukai atau dividen dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Yang Disatukan bersama hasil lain yang diterima oleh Kerajaan. Hasil yang terima ini digunakan oleh Kerajaan bagi tujuan berikut:

- i. Perbelanjaan mengurus (termasuk pemberian subsidi ke atas produk petroleum, sektor kesihatan, sektor pendidikan serta sektor pertanian dan lain-lain); dan
- ii. Perbelanjaan pembangunan.

Selain dari sumbangan dalam bentuk royalti, duti eksport, cukai dan dividen kepada Kerajaan, PETRONAS juga menanggung beban subsidi harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik. Sejak Mei 1997 sehingga Mac 2008, subsidi harga gas yang ditanggung PETRONAS adalah kira-kira RM78.0 bilion. Penetapan harga gas yang rendah kepada sektor elektrik telah membolehkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengenakan tarif elektrik yang rendah yang dinikmati oleh kira-kira 5.5 juta pelanggannya.

Oleh itu, tidak timbul isu membahagikan separuh keuntungan tahunan PETRONAS kepada rakyat, kerana perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan adalah sememangnya untuk kesejahteraan rakyat dan jumlahnya melebihi hasil yang diterima dari PETRONAS.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**
TARIKH : **20.5.2008**

SOALAN:

Y.B. Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR) minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan baucar tuisyen yang diperkenalkan oleh Kementerian dan adakah pelajar-pelajar terlibat hadir untuk sesi tuisyen yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM246 juta bagi membiayai Skim Bantuan Tuisyen (SBT) di seluruh negara bagi tahun 2008. Jumlah tersebut adalah bagi membiayai 478,778 murid yang merangkumi bayaran kepada guru, bayaran kos operasi kepada sekolah dan bantuan makanan kepada murid.

Melalui pelaksanaan SBT ini, murid-murid yang menghadiri kelas tuisyen tersebut akan direkodkan kedatangan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus kehadiran murid penerima SBT yang direkodkan bagi tahun 2007 iaitu pada bulan Mac, April, Mei dan Jun bagi empat mata pelajaran yang dijalankan secara keseluruhannya melebihi 90 peratus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN

Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah kriteria pemilihan untuk pemilihan lesen teksi persendirian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk maklumian Ahli Yang Berhormat, kriteria pemilihan untuk pemilihan lesen teksi persendirian adalah seperti berikut:-

- i. Terhad kepada 1 lesen sahaja;
- ii. Pemohon mestilah warganegara Malaysia;
- iii. Berumur tidak melebihi 55 tahun untuk permohonan dari orang awam dan tidak melebihi 65 tahun bagi permohonan dari pesara kerajaan;
- iv. Sihat tubuh badan;
- v. Tidak menjawat sebarang jawatan tetap kerajaan atau swasta;
- vi. Mempunyai lesen Memandu Kenderaan Awam (PSV);
- vii. Mempunyai modal sebanyak 30% daripada harga kenderaan; dan
- viii. Bersih daripada kesalahan jenayah dan dadah serta kesalahan lalu lintas.

Soalan No: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT
ISA (BACHOK)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 20.5.2008

SOALAN NO : 23

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA (BACHOK) minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah rasional penjualan
MAS Catering kepada Syarikat Sky Chef.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelupusan 70% ekuiti
Malaysian Airline System Berhad (MAS) dalam MAS Catering Sdn
Bhd (MAS Catering) dibuat kepada Konsortium Gubahan Saujana
Sdn Bhd (GSSB) pada 30 Julai 2002, yang bergiat cergas dalam
bidang perniagaan makanan untuk pasaran tempatan dan eksport ke
luar negara.

Pelupusan ekuiti dalam MAS Catering ini merupakan sebahagian daripada langkah penyusunan semula MAS. Langkah pelupusan saham tersebut telah sedikit sebanyak berjaya memperbaiki kedudukan kewangan MAS yang lemah pada waktu itu dengan catatan keuntungan sebanyak RM336.53 juta bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2003 berbanding kerugian sebanyak RM835.56 juta pada tahun 2002.

Di samping itu, pelupusan ekuiti ini juga dibuat bagi membolehkan MAS memberikan tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti terasnya iaitu penyediaan perkhidmatan penerbangan domestik dan antarabangsa serta perkhidmatan kargo.

Tindakan pelupusan ekuiti oleh MAS dalam aktiviti bukan teras bukanlah merupakan suatu fenomena baru dalam dunia perniagaan semasa. Ini adalah kerana kebanyakan organisasi korporat pada masa ini telah melaksanakan apa yang dikenali sebagai business process outsourcing (BPO) di mana pelaksanaan aktiviti-aktiviti bukan teras dilakukan oleh pihak ketiga. Rasional pelaksanaan BPO bukan sahaja supaya fokus dapat diberikan kepada aktiviti utama sesebuah organisasi, malah BPO juga dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan kos, memperbaiki mutu perkhidmatan, meningkatkan produktiviti serta mengatasi kekangan pengalaman, kemahiran dan sebagainya.

Pelaksanaan BPO merupakan antara langkah yang diambil bagi menjayakan Pelan Pemulihan Perniagaan MAS. Jurang kerugian kewangan MAS telah berjaya dikurangkan dan MAS seterusnya berjaya mengekalkan reputasinya sebagai syarikat berstatus World Class. Bagi tahun 2007, MAS telah berjaya mencatatkan keuntungan (equitable to equity holders) sebanyak RM851 juta berbanding kerugian sebanyak RM136 juta pada tahun 2006.

Oleh yang demikian, dengan penjualan MAS Catering ini, MAS didapati telah melaksanakan business process outsourcing kepada sebuah syarikat lain, maka faedahnya boleh dinikmati oleh kedua-dua belah pihak untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan masing-masing.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
TARIKH : 20 MEI 2008
SOALAN :

Y.B. Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil berikutan arahan oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam ucapannya pada 7/12/2007 di Segamat untuk melurus atau mendalamkan Sg. Muar bagi mengatasi masalah banjir di Segamat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan memang menyedari mengenai masalah banjir di Segamat dan telah mengambil perhatian terhadap kenyataan Y.A.B Perdana Menteri dalam ucapannya di Segamat pada 7/12/2007.

Bagi mengatasi masalah banjir jangka panjang di Segamat, Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melantik juru perunding bagi Penyediaan Rekabentuk Terperinci dan Dokumen Tender bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Muar pada 30/4/2008. Rekabentuk Terperinci ini dijangka akan siap pada awal tahun 2009. Kerja-kerja tebatan banjir yang terlibat dalam projek ini ialah :-

- i. Kerja-kerja penambahbaikan sungai yang sedia ada (melebar dan mendalamkan sungai) dan parit utama;
- ii. Membina kolam-kolam takungan banjir (*retention ponds*);
- iii. Membina lencongan untuk aliran sungai; dan
- iv. Membina *flood bunds, levee, pumping station, control gates* dan struktur-struktur lain yang berkaitan.

Di samping projek jangka masa panjang tersebut, sebagai langkah segera mengurangkan kesan banjir di Segamat, kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja mendalam dan membuang kelodak bagi tiga buah anak Sungai Segamat. Tender bagi kerja-kerja ini telah pun dipelawa dan skopnya melibatkan membaik pulih kerosakan tebing Sg. Juasseh sepanjang 25 km, cabang Sg. Lenik sepanjang 25 km dan Sg. Kapeh sepanjang 15 km telah dan kerja-kerja penggalian dijangka bermula pada bulan Julai 2008.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah projek-projek perumahan terbengkalai di Puchong, sebab-sebab serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah rumah terbengkalai atau lewat di seluruh negara termasuklah projek-projek yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Puchong. KPKT sedang menggariskan satu Dasar Perumahan Negara untuk merancang, menyelaraskan dan melaksanakan penempatan manusia yang lebih sempurna melalui program-program perumahan yang lengkap, kawalan pembangunan yang lebih terselaraskan dan tersusun dengan kemudahan infrastruktur, perkhidmatan sosial dan rekreasi bagi mewujudkan golongan masyarakat yang dinamik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perumahan Negara hanya berfungsi bagi pemantauan dan pemudahcara dalam pemulihan projek-projek terbengkalai. Walaubagaimanapun, perbincangan bersama di antara KPKT dengan pihak-pihak yang

berkaitan seperti pembeli dan pemaju akan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa.

KPKT akan menjadi mediator dalam pertemuan atau mesyuarat-mesyuarat yang dianjurkan. Ini adalah satu usaha untuk membantu pembeli mengatasi masalah yang mereka hadapi supaya segala kelewatan atau rumah-rumah terbengkalai tersebut dapat diserahkan kepada pembeli dengan secepat mungkin.

Bagi projek-projek lewat bagi Projek Talam Corporation Bhd. seperti Yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puchong, pihak KPKT telahpun mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Beberapa pertemuan telahpun dibuat bagi membantu menyelesaikan masalah pembeli projek perumahan tersebut dan beberapa persetujuan telahpun dicapai di antara pembeli dan pemaju.

Untuk pengetahuan dan makluman Dewan yang mulia ini, segala pertemuan dan perbincangan di antara pemaju dan pembeli adalah dibuat secara tertutup kerana tiap-tiap kelewatan, tuntutan dari

kedua-dua pihak adalah berbeza antara satu projek dengan projek yang lain.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (Petaling Jaya Selatan) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-

- (a) berapa tahun lagi anggaran rizab petrol negara sebelum kehabisan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penggunaan petrol sebagai bahan bakar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi soalan (a) sukalah dimaklumkan bahawa pada kadar pengeluaran semasa dan dengan andaian bahawa keseluruhan rizab dapat dikeluarkan, rizab minyak mentah dan kondensat dijangka dapat bertahan selama 22 tahun, manakala rizab gas selama 39 tahun.

Bagi soalan (b), antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan ke atas penggunaan sumber petroleum,

terutamanya dalam sektor pengangkutan adalah dengan memperkenalkan penggunaan gas asli untuk kenderaan atau NGV.

Selain NGV, Kerajaan juga menggalakkan pembangunan industri biofuel bagi menghasilkan bahan api menggunakan sumber biomas. Antara bahan api yang boleh dihasilkan melalui penggunaan biomas adalah biodiesel dan bioethnol. Kedua-dua bahan berkenaan boleh diguna untuk diadun dengan diesel petroleum atau gasolin. Satu Akta Industri Biofuel telah digubal untuk membangun industri tersebut dan ianya di bawah pengawasan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Di samping itu, Kerajaan juga sentiasa manggalakkan pengguna-pengguna jalan raya untuk menggunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan dan sekaligus mengurangkan penggunaan sumber petroleum. Pelbagai kempen telah dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam.

No: 27

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS DEWAN RAKYAT

SOALAN JAWAPAN LISAN

TARIKH : 20 Mei 2008

SOALAN : Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH) menyatakan sambutan terhadap pelancaran laman web www.warkahuntukpm.com.my dan nyatakan pandangan-pandangan dan kritikan yang diterima serta tindakan susulan.

JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,

Sejak dilancarkan pada 1 Mac 2008 hingga kini 24 April 2008, laman web ini menerima sebanyak 13,761 emel daripada rakyat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,607 merupakan aduan awam, 96 aduan melibatkan isu politik dan dasar, 3,408 merupakan cadangan, 3,944 merupakan harapan, 1,466 merupakan kritikan dan 2,240 merupakan sokongan.

YAB Perdana Menteri telah mengambil maklum akan semua pandangan dan kritikan yang diterima.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (PERMATANG PAUH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- a) keberkesanan pengeluaran lesen-lesen pemberi pinjaman dalam membasmi kegiatan 'Along'; dan
- b) apakah mekanisme dan pemantauan yang dilakukan bagi memastikan pelesen-pelesen ini tidak mengambil pendekatan yang sama dengan kegiatan 'Along' yang memeras ugut peminjam.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan Bahagian (a),

Semenjak mengambilalih fungsi pengeluaran lesen dan penguatkuasaan ke atas Pemberi Pinjam Wang daripada Kerajaan Negeri mulai 1 November 2003, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil pendekatan mempermudah proses pengeluaran lesen dengan tujuan untuk mendaftar sebanyak mungkin Pemberi Pinjam Wang tanpa lesen (atau Ah Long) bagi memudahkan kawalan ke atas mereka. Syarat yang dikenakan hanya memiliki modal kerja sebanyak RM500 ribu dan lulus tapisan polis sahaja. Walaubagaimanapun KRKT mendapati jumlah pemegang lesen tidak banyak berubah daripada 2917 pemegang lesen pada 31 Disember 2003 kepada 3012 lesen pada 31 Disember 2007.

Walaupun kriteria pengeluaran lesen dipermudahkan tetapi kebanyakan Pemberi Pinjam Wang tanpa lesen tidak mahu terikat dengan Akta PPW 1951(Akta 400) dan peraturan-peraturan berkaitan yang menghalang mereka daripada mengenakan kadar faedah yang tinggi dan kutipan bayaran balik secara 'samseng'. Ada juga kemungkinan mereka telah mempunyai rekod jenayah dan terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram (*Money Laundering*).

Bagi menjawab soalan bahagian (b),

Antara mekanisme yang digunakan bagi memastikan pemegang lesen tidak menjalankan kegiatan seperti 'Ah long' adalah:-

- i) Membuat pemantauan yang tegas ke atas premis-premis perniagaan Pemberi Pinjam Wang berlesen.
- ii) Menjalankan siasatan terhadap semua aduan orang ramai termasuk penggunaan 'Agent Provocateur' bagi mengatasi masalah mendapat saksi awam.

- iii) Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan melalui pembahagian tugas dimana KPKT bertanggungjawab keatas penguatkuasaan Pemberi Pinjam Wang berlesen manakala PDRM bertanggungjawab ke atas Pemberi Pinjam Wang tanpa lesen (Ah Long).

- iv) Mulai 1 September 2007 Kerajaan juga telah meluluskan penambahan anggota Penguatkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan daripada 10 orang anggota PDRM dan 9 orang anggota awam kepada 29 orang anggota PDRM dan 13 orang anggota awam bagi menjalankan penguatkuasaan keatas Pemberi Pinjam Wang berlesen diseluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

No 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]**

TARIKH : **20 MEI 2008**

SOALAN : **AT 29**

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan mewujudkan sistem kuota dalam perkhidmatan awam persekutuan untuk memastikan rakyat Malaysia di Sabah dapat mengambil bahagian seperti ditekankan di dalam manifesto Barisan Nasional untuk menambahkan kepelbagaian etnik di dalam perkhidmatan awam terutama sekali dalam konteks 'Borneonisation'

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam melaksanakan urusan pengambilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) belum mempunyai perancangan mewujudkan sistem kuota bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan awam persekutuan.

Pemilihan seseorang calon semasa temu duga serta kesesuaian calon bagi sesuatu jawatan dilaksanakan secara telus dan saksama dan mengikut kriteria yang ditetapkan tanpa mengira kaum. Bagi jawatan kumpulan Pengurusan dan Profesional, tapisan yang digunakan adalah berdasarkan kepada Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), kelayakan ijazah atau bidang pengajian/pengkhususan mengikut keperluan kementerian dan jabatan. Selain itu, calon juga akan dinilai berdasarkan prestasi dan kesesuaian untuk menjawat sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam.

SPA sentiasa mengambil kira prinsip keadilan, adil dan saksama dalam membuat pemilihan calon untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam tanpa mengira kaum dan etnik.

Soalan NO: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 20.05.2008

SOALAN NO : 30

Y.B. Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan mengapakah Bank Negara membenarkan Maybank untuk membeli “controlling stake” di Bank International Indonesia pada kadar 4.6 kali daripada nilai buku (book values) daripada sebuah syarikat berkaitan dengan Temasek Holding dari Singapura dan apakah peraturan-peraturan yang melindungi transaksi yang melibatkan GLC.

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) tidak terlibat dalam proses penentuan harga pembelian ekuiti institusi-institusi kewangan. BNM hanya membuat penilaian sama ada institusi kewangan tempatan tersebut mempunyai dana modal dan kapasiti bagi membuat pembelian tersebut serta impak pembelian

terhadap kedudukan kewangan institusi kewangan tersebut. Secara umumnya, harga pembelian ekuiti oleh institusi kewangan bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

- i. nilai francais yang ditentukan oleh faktor-faktor seperti pelanggan, rangkaian cawangan dan kepakaran kakitangan bank tersebut;
- ii. kekuatan bank berdasarkan saiz dan keuntungan bank;
- iii. jumlah ekuiti yang dibeli di mana jumlah ekuiti yang lebih besar mungkin akan memerlukan premium yang lebih tinggi, terutamanya bagi ekuiti yang memberi kawalan; dan
- iv. tahap persaingan daripada pembida yang lain.

2. Sehubungan dengan itu, dalam transaksi antara Maybank dan Bank Internasional Indonesia (BII), BNM tidak terlibat dalam menentukan harga pembelian ekuiti tersebut. BNM hanya menyokong rancangan pengembangan institusi kewangan tempatan jika pembelian tersebut menghasilkan peluang baru kepada institusi terbabit dari segi aliran pendapatan, perniagaan dan pengembangan operasi.

3. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, harga pembelian ekuiti BII ditentukan oleh Maybank berdasarkan persetujuan oleh pemegang-pemegang sahamnya yang turut mengambil kira pulangan dan risiko bagi pembelian tersebut. Sungguh pun terdapat saingan yang begitu hebat dari bank negara-negara maju seperti Hongkong Bank, Bank of China dan South Korea Kookmin Bank, Maybank telah berjaya membeli BII.

Maybank telah menandatangani perjanjian pada Mac 2008 untuk mengambil alih 55.7% BII dengan kos sebanyak USD1.5 bilion (RM4.8 bilion). Maybank perlu membuat tawaran bagi baki 44.3% menjadikan keseluruhan kos pengambilalihan BII berjumlah RM8.6 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

4. Walaupun harga pembelian ini dilihat sebagai sedikit tinggi, tetapi sebagai sebuah negara, kita harus menggalakkan Maybank mengambil satu tindakan dalam konteks jangka panjang. Pembelian ekuiti BII oleh Maybank adalah satu langkah penting ke arah menjadikan Maybank sebuah bank serantau yang terkemuka, sebuah bank yang kukuh dan berdaya saing. Selain memperluaskan Sistem Perbankan Konvensional, Maybank juga berpeluang memperluaskan perniagaan kewangan Islam ke negara Indonesia memandangkan negara tersebut mempunyai bilangan penduduk beragama Islam yang terbesar di dunia.

5. Kerajaan yakin bahawa pengurusan Maybank dan juga Lembaga Pengarah Maybank melakukan pembelian ini bukan saja untuk kebaikan Maybank tetapi juga untuk kebaikan negara. Pada masa ini, trend globalisasi yang pesat adalah salah satu faktor penting yang kita harus hadapi. Adalah penting dalam senario ini untuk bank-bank di Malaysia berkembang menjadi bank serantau atau regional bank. Kita perlu memandang jauh dan menandingi negara-negara lain yang telah membangun bank serantau masing-masing. Kita juga seharusnya mengambil langkah untuk membangun bank serantau supaya dalam jangka masa panjang kita tidak ketinggalan dan dapat mencapai

matlamat menjadi hab kewangan di rantau ini dan hab kewangan perbankan Islam di dunia memandangkan kita mempunyai kelebihan dalam bidang kewangan Islam.

6. Kerajaan menyokong langkah yang diambil oleh institusi perbankan Malaysia untuk mengukuhkan kehadiran komersial di rantau ini untuk meraih peluang yang muncul hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang mapan di rantau ASEAN. Kerajaan akan terus menyokong bank-bank Malaysia melabur dalam bank-bank serantau dan berkeyakinan bahawa bank-bank kita mempunyai keupayaan untuk menjadi regional champion.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MARCUS
MOJIGOH (PUTATAN)
TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN

DATUK DR. MARCUS MOJIGOH meminta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai lagi pelancong dari negara Korea, China, Jepun dan Taiwan untuk melawat Malaysia khususnya ke negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, sebanyak 689,293 pelancong China, 201,311 pelancong Taiwan, 367,567 pelancong Jepun dan 224,867 pelancong Korea telah datang ke Malaysia.

Dalam pada itu, **Sabah** telah menyambut 50,750 pelancong China, 49,338 pelancong Taiwan, 32,387 pelancong Jepun dan 79,693 pelancong Korea; **Sarawak** pula telah menerima kedatangan 25,003 pelancong China, 7,093 pelancong Taiwan, 9,001 pelancong Jepun dan 4,283 pelancong Korea.

Pada keseluruhannya, kedatangan pelancong dari China, Taiwan, Jepun dan Korea ke Malaysia pada tahun 2007 masing-masing telah mencatat peningkatan berbanding dengan kedatangannya pada tahun 2006, iaitu

kedatangan pelancong **China** meningkat 56.9% daripada 439,294 orang, pelancong **Taiwan** meningkat 10.7% daripada 181,829 orang, pelancong **Jepun** meningkat 3.8% daripada 354,213 orang dan pelancong **Korea** meningkat 18.7% daripada 189,464 orang.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah ketibaan para pelancong dari China, Taiwan, Jepun dan Korea ke Malaysia khususnya ke negeri Sabah dan Sarawak, Kementerian Pelancongan akan sentiasa merancang dan melaksanakan langkah-langkah untuk mempromosi pelancongan dengan lebih agresif . Usaha-usaha ini termasuklah :

- a- **Mengambil bahagian** secara aktif di dalam Pameran Pelancongan Antarabangsa tiap-tiap tahun seperti Taipei International Travel Fair pada 31

Oktober hingga 3 November 2008, China International Travel Mart pada 20 hingga 23 November 2008, Korea World Tourism Fair pada 5 hingga 8 Jun 2008 dan JATA World Tourism Congress & Tourism Fair pada 18 hingga 21 September 2008 bagi mempertingkatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih. Pakej-pakej pelancongan yang menawarkan aktiviti-aktiviti yang menarik dan bersesuaian dengan kehendak pasaran dengan kadar harga yang istimewa ditawarkan.

b- **Meneruskan** program lawatan suaikenal (Familiarization Trip) untuk pengusaha-pengusaha pelancongan, wakil media asing serta syarikat-syarikat perfileman bertujuan memberikan pendedahan serta pengalaman sebenar di Malaysia. Liputan publisiti yang meluas mengenai produk-produk pelancongan, budaya dan cara hidup rakyat

di Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak yang terhasil daripada program ini memberikan impak yang positif untuk mendorong pelancong-pelancong untuk melakukan lawatan ke Malaysia.

- c- **Menganjurkan** Misi Galakan dan Seminar Pelancongan ke **China** pada 13 hingga 20 Januari 2008, Misi Galakan dan Seminar Pelancongan ke **Taiwan** pada 23 hingga 28 Mac 2008, Misi Galakan dan Seminar Pelancongan ke **Jepun** pada 11 hingga 18 Mei 2008 dan Misi Galakan dan Seminar Pelancongan **Korea** pada 17 hingga 29 Mei 2008 bersama-sama pengusaha pelancongan Malaysia dan Badan – Badan Pelancongan Negeri yang bertujuan memberi peluang untuk memperkenalkan produk serta pakej pelancongan istimewa negeri masing-masing dan berinteraksi dengan rakan niaga di China, Taiwan, Jepun dan Korea.

- d- **Menganjurkan** program promosi makanan dan kebudayaan dengan kerjasama hotel-hotel serta restoran-restoran terkemuka di China, Taiwan, Jepun dan Korea.

- e- Pejabat - pejabat Tourism Malaysia di China, Taiwan, Jepun dan Korea turut mempromosikan Malaysia khususnya negeri Sabah dan Sarawak menerusi kempen pengiklanan taktikal bersama dengan pengusaha pelancongan dan syarikat – syarikat penerbangan untuk membangun dan memasarkan lebih banyak pakej pelancongan dengan tawaran harga istimewa untuk menarik ketibaan lebih ramai pelancong ke negara ini.

- f- Bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing dan pengusaha pelancongan untuk menawarkan perkhidmatan sewa khas yang dapat menampung kekurangan penerbangan terus dari

Jepun, Korea, China dan Taiwan ke Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan ini juga menawarkan kadar tambang yang lebih murah dari semasa ke semasa bagi memastikan jumlah ketibaan pelancong ke negara ini khususnya ke negeri Sabah dan Sarawak terus meningkat. Antaranya adalah 9 perkhidmatan penerbangan sewaan khas ke Sabah (mono destination) telah diadakan dengan kerjasama pejabat Tourism Malaysia Guangzhou dan Sun Holiday pada tahun 2007 dan 5 perkhidmatan penerbangan sewaan khas ke Sabah dan Brunei (dual destination) pada bulan Februari 2008.

g- Penerbitan serta pengedaran risalah – risalah pelancongan berbahasa Jepun, Korea dan Mandarin yang bertema kembara (adventure), tarikan alam semulajadi (nature) dan homestay melalui pejabat – pejabat Tourism Malaysia di negara Jepun, Korea,

China dan Taiwan serta agensi – agensi pelancongan di setiap pasaran.

h- **Menganjurkan** acara – acara bertaraf antarabangsa di negeri Sabah dan Sarawak seperti Sabah Dragon Boat Race pada 15 Jun 2008, Rainforest World Music Festival pada 11 hingga 13 Julai 2008, Borneo Cultural Festival pada 21 Jun hingga 5 Julai, Sarawak Regatta pada 1 hingga 3 Ogos 2008, Mount Kinabalu International Climbathon pada 23-24 Ogos 2008, dan Borneo International Yachting Challenge pada 23 hingga 30 Ogos 2008 turut dapat menarik penyertaan dan kunjungan pelancong ke negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, beberapa aktiviti sampingan yang dikelolakan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)

turut menyumbang menggalakkan lebih ramai pelancong ke Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, aktiviti penanaman semula hutan (reforestation) oleh Japan Malaysia Association (JMA) bersama-sama NGO dan pihak swasta Jepun di hutan-hutan terpilih di Sarawak dan Sabah turut membantu mempromosikan kedua-dua negeri tersebut ke negara Jepun.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia akan terus berusaha untuk menjalankan program promosi yang lebih berkesan bagi memastikan Malaysia khususnya negeri Sabah dan Sarawak menjadi destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini terutamanya di kalangan rakyat negara Jepun, Korea, China dan Taiwan.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : **20 MEI 2008 [SELASA]**

SOALAN : Oleh **TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI [BAGAN SERAI]** minta Menteri
Pertanian Dan Industri Asas Tani
menyatakan:-

Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memantau dan mengawal harga input pertanian seperti racun, baja dan benih.

JAWAPAN : Oleh **Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Baja dan racun perosak merupakan input yang amat penting dalam menentukan hasil pengeluaran dan produktiviti pertanian. Amalan pembajaan dan pengguna racun prosak yang betul dan baik mampu menjana pendapatan yang lebih baik kepada para pengusaha.

Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan **tidak melaksanakan kawalan harga** ke atas input pertanian seperti baja, racun perosak dan benih kerana penentuan harga input pertanian bergantung kepada faktor-faktor luar seperti pengeluar, pengimport dan bahan mentah. Penyediaan input tersebut dan ianya bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun begitu, pengeluar, pengimport dan pembekal masih lagi tertakluk kepada beberapa akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga 1980, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KDPN & HEP).

Bagi mengurangkan beban petani akibat kenaikan harga input-input pertanian ini, Kementerian menggalakkan para petani untuk:

- i) Menggunakan campuran baja organik dan baja kimia dalam pelaksanaan projek yang dapat mengurangkan kos **pengeluaran**;
- ii) Mengamalkan pengawalan rumpai dan perosak secara bersepadu melalui amalan kultura; dan
- iii) Manggalakkan petani untuk menghasilkan baja kompos sendiri dari sisa buangan pertanian di ladang.

SOALAN NO. (33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGGAM)
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah kemajuan rancangan untuk pemasangan CCTV di semua kawasan hitam jenayah di Malaysia dan apakah masalah yang dihadapi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat keputusan bahawa semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negara ini perlu memasang “*Closed Circuit TV (CCTV)*” di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti sebagai kawasan-kawasan kerap berlaku jenayah (*Crime-prone areas*). Ini adalah salah satu daripada langkah pencegahan dalam menangani jenayah ragut, samun, seluk saku dan vandalisma.

Sebagai pemangkin pelaksanaan pemasangan CCTV, sebanyak 25 PBT terpilih yang berstatus Perbandaran dan Bandaraya di Semenanjung Malaysia telah dikenalpasti dan diberi keutamaan bagi pemasangan CCTV. Ini merangkumi sebanyak 10 negeri dengan 496 unit kamera tanpa wayar (CCTV). Projek tersebut dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini secara sewaan selama 5 tahun.

Di antara halangan utama pelaksanaan program ini adalah kekurangan kepakaran dan peruntukan kewangan di peringkat PBT dan teknologi CCTV dan *GIS Mapping*. Selain itu, masalah yang dihadapi adalah keperluan untuk menghubungkan terus CCTV kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walau bagaimanapun, pihak PDRM sedang dalam proses mencari jalan penyelesaian mengenai perkara tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE
[TENGGARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 20 MEI 2007 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 34

SOALAN

YB. Datuk Halimah Binti Mohd Sadique minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:

- (a) adakah rundingan antara SPAN dan pihak konsesi di negeri Johor telah dimulakan dan apakah perkembangannya. Mengapakah rundingan ini mengambil masa yang lama, sedangkan ke semua syarikat konsesi di negeri Johor telah pun menyatakan kesediaan mereka untuk berhijrah ke rejim pelesenan di bawah kawalan SPAN; dan
- (b) adakah SPAN meletakkan masalah penghijrahan syarikat-syarikat konsesi di negeri Johor ini sebagai keutamaan. Bilakah

penghijrahan syarikat-syarikat konsesi ini ke rejim kawalan SPAN boleh dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat utama usaha penyusunan semula industri perkhidmatan air yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk mewujudkan suatu struktur industri yang holistik, berdaya maju dan mapan. Selari dengan matlamat ini, Kementerian ini telah memulakan usaha untuk menstrukturkan semula perkhidmatan bekalan air di setiap negeri.

Bagi negeri Johor, penstrukturkan semula akan melibatkan dua syarikat pemegang konsesi rawatan air dan sebuah syarikat pemegang konsesi pengagihan air. Syarikat-syarikat pemegang konsesi tersebut telah menunjukkan kesediaan untuk berhijrah ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Sungguhpun demikian, Kerajaan akan mengambil pendekatan supaya struktur bekalan air di negeri Johor dapat diwujudkan dalam bentuk holistik dengan merangkumkan komponen rawatan dan pengagihan air. Dengan yang demikian, tumpuan akan dapat diberikan kepada usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi supaya struktur baru ini akan berdaya maju dan mapan.

Bagi tujuan ini, Kementerian dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bersama dengan Kerajaan Negeri Johor sedang berunding dengan pemegang-pemegang konsesi bagi mencari pendekatan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di negeri Johor.

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi hasrat dan keutamaan kepada Kerajaan untuk memastikan penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air di setiap negeri amnya dan di negeri Johor khususnya diselesaikan seberapa segera yang boleh. Bagi maksud tersebut, rundingan mengenai penstrukturan semula bersama pihak-pihak yang berkaitan di negeri Johor dijangka dapat dimuktamadkan di separuh kedua tahun 2008.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)
TARIKH : 20.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) cara pengiraan mata aktiviti ko-kurikulum bagi pelajar-pelajar untuk tujuan permohonan universiti awam; dan
- (b) siapakah yang menentukan mata aktiviti ini dan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk menjamin proses tersebut adil dan saksama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan markah yang diberikan kepada penglibatan murid sekolah dan pelajar Matrikulasi dalam kokurikulum untuk tujuan permohonan ke universiti awam meliputi tiga bidang, iaitu Pasukan Badan Beruniform, Persatuan/Kelab dan Sukan/Permainan. Pemberian markah adalah berdasarkan kehadiran (50%), penglibatan (20%), pencapaian (20%) dan jawatan yang disandang (10%). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, markah bonus pula diberikan bagi penglibatan murid sekolah dalam kegiatan kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak luar sekolah. Markah bonus juga

diberikan berdasarkan sesuatu jawatan kepimpinan yang disandang oleh murid dan jawatan tersebut bertujuan membantu pengurusan dan pentadbiran sekolah. Jawatan tersebut merangkumi;

- i. Jawatan peringkat sekolah seperti Pengawas, Pengawas Perpustakaan, Imam dan sebagainya;
- ii. Jawatan peringkat rumah seperti Ketua Rumah, Ketua Bilik/ Asrama dan sebagainya; dan
- iii. Jawatan peringkat kelas seperti Ketua Kelas dan sebagainya.

- b) Bagi menentukan markah kokurikulum tersebut, KPM juga telah mengeluarkan Buku Panduan Penilaian Kokurikulum Sekolah Menengah pada tahun 2007. Oleh itu, pemberian markah adalah berasaskan panduan yang telah digariskan dan digunapakai di semua sekolah menengah. Panduan ini telah disediakan oleh Jawatankuasa/Panel yang dianggotai oleh pegawai-pegawai di peringkat sekolah, PPD/PPG, JPN dan KPM. Bagi pelajar Matrikulasi pula, penentuan markah kokurikulum adalah berdasarkan aktiviti yang diceburi pelajar dengan mengemukakan sijil-sijil yang diiktiraf dan disahkan oleh pengarah Kolej Matrikulasi berkenaan. Proses ini dilaksanakan secara telus oleh Jawatankuasa Penilaian 10% Markah Kokurikulum yang dipengerusikan oleh Pengarah Kolej Matrikulasi yang berkenaan.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MAHFUZ BIN OMAR**
(POKOK SENJA)

TARIKH : **20 MEI 2008 (SELASA)**

NO. SOALAN : **36**

Y.B. TUAN MAHFUZ BIN OMAR minta **MENTERI PERPADUAN , KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh manakah Prinsip Rukun Negara telah berjaya diterjemahkan dalam pembentukan masyarakat khususnya dalam menangani gejala sosial.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Tujuan utama Rukun Negara diperkenalkan adalah untuk membentuk, menerap dan mengukuhkan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama terutamanya selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Kelima-lima prinsip yang diperkenalkan itu mempunyai makna dan tafsiran yang menyeluruh demi perpaduan masyarakat.

Lima prinsip tersebut iaitu:

- 1) Kepercayaan kepada Tuhan;**
- 2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara;**
- 3) Keluhuran Perlembagaan;**
- 4) Kedaulatan Undang-undang; dan**
- 5) Kesopanan dan Kesusilaan.**

Merupakan nilai-nilai yang bukan sahaja perlu dibaca, dihafal tetapi juga perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap individu masyarakat di negara ini.

Bagi menerapkan nilai-nilai yang tersirat dalam Rukun Negara, pelbagai pendekatan diperkenalkan di antaranya ialah melalui penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) malah ia akan diperluaskan juga ke kolej-kolej swasta dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Di samping itu, beberapa seminar dan Bengkel Keselamatan Kejuruan di peringkat komuniti telah dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kementerian ini telah melaksanakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di mana kempen tersebut adalah merupakan cetusan daripada prinsip kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Di atas nilai inilah, kita diharapkan dapat meneguhkan peribadi dan menegakkan jatidiri bangsa Malaysia melalui nilai budi bahasa budaya kita. Pelbagai program dan aktiviti berteraskan kempen ini

telah diadakan sepanjang tahun 2005 hingga 2007 dan akan diteruskan bagi tahun ini.

Selain daripada itu, penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga merupakan salah satu langkah menerapkan nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara di mana pelbagai program dan aktiviti juga dianjurkan yang pastinya mempunyai tujuan yang sama iaitu pembentukan masyarakat Malaysia yang mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya.

Usaha-usaha ini juga turut disokong oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain, antaranya ialah Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang diterajui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pula, pelbagai program dan aktiviti dianjurkan seperti Kempen Kibar Jalur Gemilang dan program-program patriotisme.

Penerapan nilai-nilai murni ini merupakan usaha yang berterusan dan tidak dinafikan bahawa dalam merealisasikan usaha-usaha ini, pelbagai cabaran dihadapi. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian ini, khasnya dan pihak Kerajaan, amnya akan sentiasa berusaha ke arah menangani gejala sosial ini dan seterusnya membentuk masyarakat Malaysia yang penuh peradaban dan harmoni.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]
TARIKH : 20 MEI 2008
RUJUKAN : 890

Soalan:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) bilakah Kerajaan akan menubuhkan mekanisme penyemakan PDRM yang bebas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) seperti yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia; dan

(b) daripada 125 cadangan laporan itu apakah cadangan-cadangan yang telah dilaksanakan dan bilakah baki cadangan-cadangan akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

(a)

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Kerajaan telah memutuskan untuk menarik semula Rang Undang-Undang Suruhanjaya Aduan Khas 2007 (*Special Complaint Commission*) yang telah dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007. Kajian lanjut akan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara mengenai perkara ini.

(b)

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji kesesuaian pelaksanaan 125 cadangan penambahbaikan seperti dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dari Pengurusan Pasukan Polis Diraja Malaysia dan setakat ini sebanyak 106 atau 85 peratus telah dan dalam pelaksanaan, manakala 19 atau 15 peratus masih dalam kajian terperinci.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)
SOALAN : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :

Adakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan kawasan penternakan khinzir di Paya Mengkuang, Melaka sebagai Pig Farming Area seperti konsep yang digunakan di kawasan Jimah, Negeri Sembilan dan jika tidak, apakah sebabnya.

JAWAPAN : oleh **Y.B. Menteri Pertanian Dan Industri**
Asas Tani Malaysia

Tuan Yang Dipertua,

Jemaah Menteri pada 25 Julai 2007 telah memutuskan hanya Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak sahaja yang akan meneruskan pembangunan *Pig Farming Area (PFA)*. Manakala negeri yang tidak membangunkan PFA, industri ternakan khinzir perlu dimajukan secara *Modern Pig Farming (MPF)*.

Oleh itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan kawasan penternakan khinzir di Paya Mengkuang, Melaka sebagai *PFA*. Kerajaan negeri Melaka juga telah memutuskan untuk mengurangkan jumlah *standing pig population (SPP)* kepada 48,000. Selaras dengan keputusan ini, kawasan penternakan babi di Paya Mengkuang dibangunkan sebagai *MPF* di mana setiap ladang individu di naik taraf dengan kaedah penternakan kandang tertutup dan sistem pengolahan sisa *zero-discharge*. Melalui pembangunan secara *MPF*, masalah pencemaran alam sekitar yang dihadapi oleh industri babi akan dapat diselesaikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN FAUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN).
TARIKH : 20.05.2008
SOALAN : **Y.B. PUAN FAUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)**

Meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pemberian tender kontrak untuk tujuan pengurusan Parlimen. Adakah ia dilakukan melalui proses tender terbuka.

JAWAPAN :

Untuk makluman YB, bagi pengurusan Parlimen untuk tahun 2008 hanya satu perolehan sahaja yang memerlukan proses secara Tender iaitu Perkhidmatan Pengurusan dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif (*Housekeeping*) Mencuci Kolam dan Kawalan Serangga Perosak di Bangunan Parlimen Malaysia. Ianya dilakukan melalui proses Tender Terbuka.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)
SOALAN : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan :

Mengapakah Projek Ternakan Khinzir terancang di kawasan Chuah, Negeri Sembilan masih tidak dapat dilaksanakan sehingga kini dan apakah status projek tersebut pada masa kini.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Projek Ternakan Khinzir terancang di kawasan Chuah, Negeri Sembilan masih tidak dapat dilaksanakan sehingga kini memandangkan terdapat beberapa isu teknikal yang belum diselesaikan. Isu-isu teknikal tersebut ialah mengenai pengurusan PFA seperti rumah kediaman pekerja dan sistem pengolohan sisa untuk abatoir, pagar kawasan sekeliling sepanjang 7.7 km dengan ketinggian 7 kaki, kandang babi tertutup dan jalan masuk baru serta kemudahan biosekuriti lain.

Sehingga kini, infrastruktur asas PFA di kawasan Chuah telah siap merangkumi pembangunan lot-lot penternakan, jalan berturap, longkang konkrit, retikulasi air, retikulasi pembentungan dan sistem pengolohan sisa berpusat. Rumah sembelih juga sedang dibangunkan dan dijangka mula beroperasi bulan September 2008.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**
Daripada : **YB. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM**
(KUALA NERUS)
Tarikh : **20 MEI 2008 (SELASA)**

SOALAN:

YB. Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri (Kuala Nerus) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan hasil perbincangan dengan penulis-penulis di internet atau 'bloggers' dalam memastikan maklumat yang disampaikan itu tepat dan benar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua;

Terima kasih diucapkan kepada YB Kuala Nerus atas soalan tersebut. Saya telah mengadakan perbincangan dengan beberapa penulis blog dan mengambil berat kesemua pandangan-pandangan

mereka ini. Kementerian Penerangan akan menganjurkan lebih banyak ruang untuk interaksi secara dua hala dengan penulis blog.

Kementerian Penerangan telah memberi peluang kepada penulis blog untuk muncul di RTM1 untuk menyatakan pendapat mereka tentang isu-isu semasa melalui rancangan bertajuk BLOG. Rancangan BLOG telah memulakan siarannya pada 20 April 2008 di RTM1 jam 8.40 malam selama 20 minit. Rancangan ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa dan akan diperkembangkan jika mendapat sambutan.

SOALAN NO.42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
KAWASAN : REMBAU
TARIKH : 20.05.2008 (SELASA)

SOALAN

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perkembangan terbaru dalam perjanjian perdagangan bebas (free trade agreement) dengan Amerika Syarikat dan sama ada Malaysia akan meneruskan perjanjian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Rundingan terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah dilancarkan pada 8 Mac 2006. Sehingga kini, tujuh pusingan rundingan telah diadakan.

2. Kedua-dua belah pihak masih meneruskan perbincangan terhadap semua isu yang dirundingkan sehingga mencapai suatu hasil rundingan yang membawa manfaat kepada kedua-dua pihak.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Setakat ini, maklumbalas daripada Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang mengadakan rundingan menunjukkan, bahawa, terdapat

tuntutan-tuntutan Amerika Syarikat yang boleh diberi pertimbangan, seperti permintaan-permintaan untuk memudahkan urusan perdagangan, dan prosedur kastam.

5. Begitu juga, ada permintaan-permintaan Malaysia yang boleh dipertimbangkan oleh Amerika Syarikat, dan ada yang tidak dapat dipersetujui oleh mereka.

6. Ada pula permintaan-permintaan yang boleh dirundingkan, dengan mengemukakan opsyen-opsyen lain , atau dengan cadangan-cadangan balas tertentu oleh Malaysia.

7. Terdapat juga permintaan-permintaan yang tidak boleh dipertimbangkan, kerana bercanggah dengan kedaulatan negara dan dasar-dasar yang perlu dikekalkan untuk pembangunan sosio-ekonomi negara. Isu-isu sensitif yang diberi perhatian yang lebih mendalam adalah seperti liberalisasi perolehan kerajaan kepada syarikat-syarikat Amerika, tahap liberalisasi yang tinggi di sektor perkhidmatan serta kewangan, dasar persaingan yang tidak mendiskriminasikan syarikat-syarikat Amerika dan hubungkait antara mekanisma penyelesaian pertikaian dengan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dan buruh.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Rundingan FTA ini tidak bererti Malaysia adalah terikat atau tertekan untuk menerima sebarang hasil rundingan dan permintaan Amerika Syarikat yang tidak memenuhi matlamat- negara dalam rundingan berkenaan. Keputusan untuk menandatangani FTA tersebut akan di buat oleh Jemaah Menteri setelah memberi pertimbangan yang teliti.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK ERIG ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah bilangan air alternatif (tube well) yang telah dilaksanakan di setiap negeri dan jumlah perbelanjaan bagi setiap bekalan tersebut dengan menggunakan tenaga solar.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RMKe-9 bagi Program Bekalan Air Luar Bandar adalah sebanyak RM1,114.25 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM837.45 juta diperuntukkan bagi Program BALB Sistem Retikulasi, RM224.0 juta bagi Program Menaiktaraf / Bina Baru Loji dan RM52.79 juta bagi Program Sistem Alternatif atau 4.74% daripada jumlah keseluruhan peruntukan RMKe-9.

Pada tahun 2006, sebanyak RM4.9 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 95 projek Sistem Alternatif di 7 buah negeri iaitu Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 projek dilaksanakan dengan menggunakan sistem telaga pam (tube well) dengan kos projek sebanyak RM1.26 juta.

Manakala pada tahun 2007 pula, sebanyak RM8.62 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 88 projek di 5 buah negeri iaitu Kedah, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3 projek sistem telaga pam telah dilaksanakan dengan kos projek sebanyak RM245,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek Sistem Alternatif yang telah siap akan diserahkan dan diselenggara oleh penduduk setempat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Datuk Siringan Bin Gubat (Ranau)
Tarikh Menjawab : 20 Mei 2008 [Selasa]
Soalan : [No. 64] *44*

Tuan Siringan Bin Gubat (Ranau) minta **MENTERI PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha yang
diambil oleh Kementerian bagi penanaman kayu jarak untuk mencapai
sasaran pengeluaran biodiesel di Sabah

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Y.B., Kementerian ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah melalui Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) akan membangunkan satu kawasan di Sabah sebagai projek perintis tanaman jarak (*jatropha*) bagi mengkaji kesesuaian dan dayamaju (*viability*) tanaman berkenaan untuk pengeluaran biodiesel. Sekiranya projek ini berjaya, barulah ianya akan dikembangkan kepada pekebun kecil untuk menanam *jatropha* bagi memenuhi pengeluaran biodiesel di negara ini.

Namun begitu, usaha-usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran biji kering pokok *jatropha* ke tahap yang menguntungkan melalui penghasilan varieti atau klon berpenghasilan tinggi sebelum tanaman ini disyorkan kepada pekebun kecil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)**
TARIKH : **20 MAY 2008**

DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan keadaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan cara-cara memperbaikinya. Apakah dasar dan matlamatnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,


Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 1,186 lesen bas berhenti-henti telah diluluskan untuk beroperasi di sekitar Kuala Lumpur. Syarikat Prasarana Negara Bhd. melalui Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. atau RapidKL yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan bas berhenti-henti, menyediakan sebanyak 666 buah bas manakala 520 buah bas dari syarikat-syarikat yang lain. Bagi pengangkutan teksi pula, sebanyak 15,107 lesen teksi telah diluluskan untuk Kuala Lumpur.


Masalah yang ketara ialah kebanyakan bas berhenti-henti berada dalam keadaan uzur akibat 'wear and tear' walaupun masih boleh beroperasi. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) pada Mac 2007 yang bertujuan untuk pembiayaan pinjaman membeli kenderaan baru, mengganti kenderaan dan meningkatkan kualiti kenderaan dengan kadar faedah yang rendah dengan peruntukan sebanyak RM200 juta. Setakat ini sebanyak RM92 juta telah diluluskan untuk

tujuan tersebut. Selain itu, Kerajaan juga menetapkan had usia kenderaan pengangkutan awam iaitu 15 tahun bagi bas berhenti-henti, 10 tahun bagi bas ekspres dan 7 tahun bagi teksi dengan bertujuan supaya kenderaan awam berada dalam keadaan *roadworthy* bagi menjamin keselamatan penumpang.

Untuk langkah jangka panjang, Kerajaan telah memutuskan supaya Dasar Pengangkutan Negara diwujudkan sebagai garis panduan dan hala tuju pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam. Kajian Pelan Induk dasar tersebut sedang disediakan dan diurusetikan oleh Kementerian Pengangkutan.

Secara umumnya, bilangan lesen bas dan teksi yang telah diluluskan adalah mencukupi bagi keperluan warga kota. Namun, Kerajaan masih belum berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan dan sentiasa melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi ekspektasi pengguna selaras dengan dasar dan matlamat Kerajaan untuk memastikan keperluan kenderaan perdagangan sentiasa mencukupi serta dalam masa yang sama memberikan perkhidmatan yang cekap, selamat dan mesra pelanggan.

Disediakan Oleh :  16/5/2009
NOR NEKMAN BIN JAIMON
: No. Te. Pejabat :03-88805478
: No. H/P :019-2768803

Disemak Oleh :  16/5/08
NAIMAH BINTI RAMLI
: No. Te. Pejabat :03-88805473
: No. H/P :012-3250969

Diluluskan Oleh : ALWI BIN HAJI IBRAHIM 

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 20.05.2008

SOALAN NO : 46

**Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) berapa ramai yang telah mufliis akibat daripada perbelanjaan boros melalui penggunaan kad kredit sejak 2004; dan
- (b) apakah Kementerian akan mengawal penerbitan kad kredit yang sudah keterlaluan dan menurunkan kadar faedah untuk pinjaman kad kredit.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes mufliis disebabkan hutang kad kredit mengikut tahun dari 2004 hingga 2007 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Kes Muflis Hutang Kad Kredit
2004	1,397
2005	1,479
2006	1,656
2007	1,873

2. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memantau dan memastikan bahawa tahap penggunaan dan pengeluaran kad kredit adalah berhemat dan terkawal. Pendidikan mengenai penggunaan kad kredit telah diberikan sewajarnya contohnya Garis Panduan Kad Kredit memerlukan institusi pengeluar kad kredit membuat rujukan kepada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System (CCRIS) semasa memproses sebarang permohonan kad kredit untuk menilai kedudukan kewangan si pemohon. Pengeluar kad kredit juga perlu merujuk kepada CCRIS secara berkala untuk memantau tahap keterhutangan pemegang kad mereka dan mengurus had kredit yang diberikan. Di samping itu, BNM juga telah mengeluarkan syarat minimum kepada pengeluar kad kredit untuk menjual, memasarkan dan mempromosikan kad kredit dengan matlamat untuk memperbaiki amalan perniagaan pengeluar kad kredit dengan menggalakkan pembiayaan yang bertanggungjawab dan pemberian layanan yang adil kepada pengguna.

3. Walaupun penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran semakin meningkat, hutang melalui penggunaan kad kredit tidak berada pada tahap kritikal. Sehingga akhir bulan Februari 2008, jumlah pinjaman terkumpul (outstanding loan) kad kredit hanya merangkumi 3.5% daripada jumlah pembiayaan keseluruhan institusi perbankan. Daripada jumlah hutang kad kredit sebanyak RM23.3 bilion, 89.3% atau RM20.8 bilion ialah baki semasa, 8.4% atau RM2.0 bilion adalah baki tertunggak tidak melebihi tempoh 3 bulan dan hanya 2.3% atau RM0.5 bilion merupakan baki tertunggak melebihi tempoh 3 bulan atau dikategorikan sebagai tahap pinjaman tak berbayar (non-performing loan). Tahap pinjaman tidak berbayar kad kredit juga masih terkawal dan telah menurun kepada 2.3% pada akhir bulan Februari 2008 berbanding dengan 16.1% pada tahun 1998 (ketika krisis kewangan serantau) daripada jumlah hutang kad kredit.

4. Berdasarkan statistik tabiat pembayaran kad kredit bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 2007, secara puratanya, 30% daripada pemegang kad menyelesaikan jumlah baki yang belum dijelaskan sepenuhnya setiap bulan, dan hampir 60% daripada jumlah yang dibelanja setiap bulan dijelaskan dengan sepenuhnya pada bulan berikutnya. Hampir separuh daripada pemegang kad membayar sekurang-kurangnya jumlah bayaran minimum tepat pada waktunya dan membawa bakinya ke hadapan.

5. Daripada 5,566,871 permohonan yang diterima oleh institusi-institusi pengeluar kad kredit sepanjang tahun 2007, hanya 2,764,085

permohonan atau 49.7% sahaja yang diluluskan. Kadar yang rendah ini menunjukkan bahawa pengeluaran kad kredit tidak dilakukan sewenang-wenangnya, iaitu berbeza dengan tanggapan umum. Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan, tahap penggunaan dan pengeluaran kad kredit adalah terkawal.

6. Berhubung dengan caj kewangan kad kredit, BNM telah mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pengeluar kad mengamalkan struktur penentuan harga bertingkat (tiered pricing) bagi kad kredit dengan insentif diberikan kepada pengguna kad kredit yang mempunyai rekod pembayaran yang baik. Di bawah struktur ini, pemegang kad yang menyelesaikan baki kad kredit yang perlu dibayar setiap bulan tepat pada waktunya untuk 12 bulan berturut-turut, caj kewangan akan dikurangkan daripada kadar maksimum 18% setahun kepada tidak lebih daripada 15% setahun. Manakala pemegang kad yang menyelesaikan baki kad kredit yang perlu dibayar setiap bulan tepat pada waktunya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan daripada kitaran 12 bulan, caj kewangan akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 17% setahun. Kadar maksimum sebanyak 18% setahun masih dikenakan untuk pemegang kad yang lain.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar caj kewangan yang dikenakan oleh pengeluar kad kredit di Malaysia adalah rendah jika dibandingkan dengan negara lain. Perbandingan kadar caj kewangan yang

dikenakan oleh pengeluar kad kredit di negara lain adalah seperti yang berikut:

	Australia	Hong Kong	Singapura	Taiwan	Thailand
Kadar maksimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa	Tiada	Tiada	Tiada	20% setahun	20% setahun
Kadar maksimum yang ditentukan oleh pasaran	19.5% setahun	36% setahun	24% setahun	20% setahun	20% setahun

8. BNM juga menggalakkan penggunaan kad debit dan kad prabayar sebagai instrumen pembayaran alternatif. Institusi perbankan tempatan sedang dalam proses untuk meningkatkan semua terminal kad kredit mereka untuk menerima kad ATM. Usaha ini akan membolehkan 15.4 juta pengguna ATM menggunakan kad ATM mereka untuk membuat belian daripada peniaga yang terbabit.

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH: 20 MEI 2008

SOALAN:

IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [Ledang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan gaji minimum dalam semua sektor pekerjaan memandangkan permintaan kuat ke atasnya sekarang.

PR-1211-L11282

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar gaji sektor swasta di negara ini ditentukan mengikut kuasa pasaran (market forces). Penetapan ini dibuat berdasarkan kepada permintaan dan penawaran (supply and demand). Ini bagi memastikan negara sentiasa kompetitif dalam persaingan ekonomi di peringkat global. *Institute for Management Development (IMD) World Competitiveness Yearbook* pada tahun 2007 melaporkan bahawa kedudukan Malaysia adalah di tempat ke-23 daripada 55 buah negara dari aspek daya saing. Berdasarkan kepada laporan tersebut, kedudukan ini perlu diperbaiki dan elemen-elemen peningkatan kos tanpa peningkatan produktiviti perlu dielakkan.

Tiga cara yang digunakan oleh Kerajaan untuk penetapan gaji adalah melalui kuasa pasaran (*market forces*), Perjanjian Kolektif (*Collective Agreement*) dan Majlis Penetapan Gaji (MPG). Majlis Penetapan Gaji ditubuhkan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji

1947 bagi golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*) iaitu yang bekerja di sektor di mana tiada satu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan. Sehingga kini, Kerajaan telah menubuhkan 11 MPG yang akan menetapkan gaji minimum dan syarat-syarat pekerjaan bagi golongan pekerja dalam sektor-sektor yang ditentukan. Kerajaan akan sentiasa mengkaji dan menentukan gaji minimum mengikut sektor pekerjaan, sekiranya terdapat keperluan untuk penubuhan tersebut.

Kerajaan berpendapat bahawa penetapan gaji minimum kebangsaan (National Minimum Wage) untuk semua sektor pekerjaan adalah kurang wajar pada masa ini. Ini kerana sebarang peningkatan kos dalam menjalankan perniagaan di Malaysia akan menjejaskan daya saing negara dalam menarik pelaburan asing ke Malaysia dan mengekalkan pelabur-pelabur sedia ada.

Selaras dengan hasrat agenda pembangunan negara, kerajaan sedang mempromosikan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti (Productivity Linked Wages System – PLWS). Dasar ini bertujuan menjamin daya saing negara di samping menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup pekerja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN NO

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua akan menelan belanja RM4,000 juta seperti yang dilaporkan di media arus perdana.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kos sebenar pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua tidak dapat ditentukan sehingga model pelaksanaan projek yang sedang dirundingkan ketika ini dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, kos pembinaan yang dipersetujui ketika rundingan di antara Kerajaan dan UEM Group Berhad **sehingga April 2008** adalah sebanyak RM4,300 juta. Berdasarkan penelitian lanjut ke atas reka bentuk dan panjang jambatan tersebut sejauh 24 km, beberapa arahan kerja baru oleh Kerajaan telah dimasukkan iaitu pembinaan beberapa *directional ramp*, sebuah *cloverleaf* dan tambahan cerucuk. Sementara itu, beberapa cadangan asal syarikat dikeluarkan iaitu

platform peninjau dan kawasan Rawat dan Rehat. Rundingan masih dibuat bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga-harga bahan binaan terutamanya melibatkan besi, konkrit, simen, aggregate dan diesel serta *remeasurement of piling*.

SOALAN NO. (49)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah CCTV yang akan diperuntukkan untuk Negeri Pulau Pinang untuk membendung masalah jenayah yang meningkat, bilakah ia dipasang dan kos yang terlibat. Berapakah jumlah CCTV yang masih berkurangan di Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun mengenalpasti 24 lagi CCTV untuk dipasang di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mempunyai kadar jenayah yang tinggi di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pemasangan 24 CCTV tersebut adalah tambahan kepada 31 CCTV sedia ada di Pulau Pinang. Manakala sebanyak 24 CCTV juga turut dipasang di Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai tambahan kepada 31 CCTV di bawah Majlis tersebut juga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan pusat akan terus mempertimbangkan pemasangan CCTV di Pulau Pinang memandangkan Pulau Pinang merupakan tempat tumpuan pelancong utama negara.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Mei 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 20 MEI 2008

**SOALAN : DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan peruntukan Rancangan Malaysia ke – 9 khusus untuk daerah Kota Belud dan berapa pula daripada jumlah tersebut diperuntukkan untuk pembinaan jalan raya luar bandar di Kota Belud.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 khusus untuk daerah Kota Belud adalah sebanyak **RM261,899,500.00**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM35,270,000.00** diperuntukkan untuk pembinaan jalan raya luar bandar untuk daerah Kota Belud.

Soalan NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
(IPOH TIMUR)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 20.05.2008

SOALAN NO : 51

Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah garis panduan baru yang telah diperkenalkan untuk memastikan Kerajaan menjadi model kecekapan, beramanah, ketelusan, integriti dan tidak rasuah dalam pengurusan tabung dan projek-projek awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah pun mewujudkan pelbagai garis panduan untuk mencapai satu model pentadbiran yang terbaik sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara. Garis panduan-garis panduan yang sedang berkuat kuasa adalah seperti berikut:-

- i) **Penubuhan Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan
Karenah Birokrasi** di semua Kementerian;

- ii) Pelancaran **Pelan Integriti Nasional** untuk memupuk nilai-nilai murni dan etika kerja yang berintegriti dalam jentera pentadbiran Kerajaan;
- iii) Penubuhan **Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)** di pelbagai peringkat Agensi Kerajaan bagi memastikan Ketua Agensi mengawasi dan memantau prestasi semua urusan pengurusan kewangan dan akaun; dan
- iv) Pengiktirafan Agensi yang mencapai tahap prestasi yang cemerlang melalui **Anugerah Kualiti Sektor Awam termasuk Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan** setiap tahun.

2. Selain daripada kaedah dan mekanisma untuk meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran seperti tersebut, Kerajaan juga telah mengambil inisiatif-inisiatif baru bagi menjana perkhidmatan awam ke tahap yang lebih cepak, berkesan dan bertumpukan kepada pencapaian prestasi. Di antara inisiatif-inisiatif baru ini adalah seperti berikut:-

- i) Pada 9 Mac 2007, Kerajaan telah mengeluarkan **Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam**;
- ii) Mulai tahun 2007, **Petunjuk Prestasi Utama Strategik (Strategic KPI)** telah diwujudkan bagi semua Kementerian berasaskan kepada peruntukan belanjawan tahunan yang diluluskan;

- iii) **Mengkaji semula peraturan-peraturan** berkaitan perolehan Kerajaan dan menambah baik **Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender dan Garis Panduan Penilaian Tender**;
- iv) **Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan** telah dikeluarkan untuk mengukur dan memastikan sesuatu program atau projek pembangunan mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasaran;
- v) **Sistem Star Rating** telah diperkenalkan dan dilaksanakan bagi menggariskan tahap prestasi Kementerian dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- vi) Satu **sistem penggaran berlandaskan Indeks Akauntabiliti** juga telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara bagi menilai prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan.

3. Selaras dengan perubahan dalam teknologi, perundangan, kaedah pengurusan, daya saing dan ekspektasi masyarakat, Kerajaan akan terus mengkaji semula dan menambah baik peraturan dan modus operandinya untuk menghadapi cabaran-cabaran baru agar aspirasi Kerajaan ke arah satu sistem penyampaian perkhidmatan awam yang terbaik dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 20 MEI 2008
RUJUKAN : 891

SOALAN:

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil
ke atas pegawai polis yang melepaskan tembakan peluru hidup
dalam kes himpunan Batu Burok tahun 2007.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada tindakan yang diambil ke atas anggota Polis yang melepaskan tembakan (Lans Koperal 143706 Wan Abdul Aziz) kerana tindakan melepaskan tembakan tersebut telah dibuat mengikut lunas undang-undang dalam perkara hak mempertahankan diri.

NO : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN [JELUTONG]
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)
SOALAN : ~~16/2008~~

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meluluskan tuntutan CUEPACS mengenai kenaikan gaji, honorarium dan elaun serta rombakan semula Penilaian Tahap Kecekapan:

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan, semasa Majlis Sambutan Hari Pekerja peringkat sektor awam pada 10 Mei 2008 yang lepas, telah bersetuju untuk memenuhi sebahagian daripada tuntutan-tuntutan CUEPACS. Antara tuntutan yang telah dipersetujui ialah:

- i) had umur persaraan wajib bagi kakitangan awam telah dinaikkan daripada 56 kepada 58 tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008;

- ii) pensen mengikut formula dihitung berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun bagi semua pesara dan penerima pensen berkuat kuasa 1 Januari 2009; dan
- iii) kajian semula ke atas penambahbaikan kadar Imbulian Tetap Perumahan yang dijangka akan selesai sebelum pembentangan Bajet 2009.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bertegas untuk tidak memansuhkan Penilaian Tahap Kecekapan. Sebaliknya, Kerajaan bersetuju untuk menambah baik kaedah-kaedah penilaian. Untuk peringkat permulaan, Kerajaan bersetuju menghapuskan kaedah peperiksaan bagi pegawai Gred 1 hingga Gred 16 manakala bagi pegawai gred-gred lain kaedah yang sedang dilaksanakan juga akan dikaji semula.

Kerajaan juga telah membuat keputusan, setelah berbincang dengan pihak CUEPACS, untuk tidak memberi honorarium.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)

TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan terkini berapa banyak anggaran stok petroleum dan gas asli yang telah dikenal pasti tetapi belum dilombong di Malaysia, apakah anggaran nilai pasaran stok tersebut dan sehingga bila stok itu boleh dilombong dan selain daripada Petronas, syarikat-syarikat apakah yang telah menerima konsesi untuk melombong minyak di Malaysia dan tempoh konsesi yang telah diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rizab sumber hidrokarbon negara yang telah dikenalpasti setakat Januari 2007 adalah seperti berikut;

Sumber	Jumlah Rizab
Minyak Mentah dan Kondensat	5.4 billion tong
Gas asli	89.0 trillion kaki padu

Pada kadar pengeluaran semasa dan dengan andaian bahawa keseluruhan rizab dapat dikeluarkan, rizab minyak mentah dan

kondensat dijangka dapat bertahan selama 22 tahun, manakala rizab gas selama 39 tahun. Mengenai nilai pasaran bagi rizab tersebut, inginlah dimaklumkan bahawa ia tidak menjadi amalan industri untuk mengganggarkan nilai rizab yang ada sehingga sumber berkenaan dikeluarkan.

Berhubung dengan soalan mengenai konsesi yang diberikan kepada syarikat selain PETRONAS, sukalah dijelaskan bahawa sistem pemberian konsesi kepada syarikat untuk menjalankan operasi carigali dan pengeluaran minyak tidak lagi dilaksanakan di negara ini.

Sebaliknya, dengan penubuhan PETRONAS pada tahun 1974, sistem konsesi telah diganti dengan sistem perkongsian pengeluaran (dengan izin, *Production Sharing Contract - PSC*) yang lebih adil dan telus serta pada masa yang sama menjamin kepentingan negara untuk membangunkan industri petroleum tanpa mengeneipkan kepentingan syarikat-syarikat petroleum yang telah membuat pelaburan yang besar. Sistem PSC juga telah memberikan peluang kepada negara untuk membina keupayaan dan melibatkan diri secara agresif di dalam industri minyak dan gas.

Melalui sistem PSC, PETRONAS melantik syarikat-syarikat petroleum antarabangsa sebagai kontraktor bagi menjalankan aktiviti-aktiviti carigali, pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas Malaysia. Antara kontraktor PSC yang dilantik oleh PETRONAS adalah *Exxonmobil Corporation, Royal Dutch Shell, Talisman Energy Incorporated, Nippon Oil Corporation, Murphy Oil Corporation, Hess Corporation, Pertamina, ConocoPhillips, PEXCO N.V, Sime Darby Bhd* dan PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.

Tempoh masa bagi kontrak-kontrak di bawah sistem PSC adalah antara 24 hingga 38 tahun dan ia berbeza di antara satu sama lain, bergantung kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui di antara pihak PETRONAS dan kontraktor PSC berkaitan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
TARIKH : 20 MEI 2007
SOALAN :

Dato Wira Ahmad bin Hamzah (Jasin) meminta Perdana Menteri menyatakan berapakan keluasan tanah wakaf di seluruh negara dan berapakah nilainya sekarang. Berapa peratus yang telah dimajukan dan apakah peranan Kerajaan Pusat untuk membantu kepada Kerajaan negeri dalam bentuk khidmat nasihat dan peruntukan bagi membangunkan tanah-tanah yang berpotensi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Keluasan tanah wakaf seluruh negara sepertimana rekod Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 31 Mac 2008 adalah **9,906.14 hektar** yang dianggarkan bernilai **RM1.11 billion**. Daripada jumlah keluasan ini, hanya sebahagian kecil sahaja telah dimajukan iaitu seluas 70.85 hektar atau 0.72%.

Di bawah RMKe-9, Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan sebanyak RM250 juta bagi membangunkan tanah-tanah wakaf di seluruh negara yang melibatkan 27 projek iaitu 23 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal. Projek-projek fizikal adalah seperti pembangunan hotel-hotel, rumah anak yatim, pusat perlindungan wanita, kompleks saudara baru, ruang niaga dan pejabat. Projek-projek bukan fizikal pula adalah Program Pemantapan Baitulmal Kebangsaan, sumbangan modal bagi penubuhan Yayasan Waqaf Malaysia dan pembangunan sistem e-wakaf.

Dalam pada itu, Kerajaan melalui JAWHAR juga sentiasa memberi khidmat nasihat kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk pembangunan tanah-tanah wakaf secara bersepadu.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN :** Lisan
- DARIPADA :** Dato' Mukhriz bin Tun Dr Mahatir
[Jerluan]
- TARIKH :** 20 Mei 2008
- SOALAN :** Dato' Mukhriz bin Tun Dr Mahatir
[Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
Bagaimana Dasar Pertanian Negara dapat
membasmi kemiskinan seperti yang pernah
diumumkan sebelum ini memandangkan
berlakunya proses urbanisasi di mana
sawah-sawah bendang di kampung
dibangunkan untuk projek-projek selain
pertanian dan juga penghijrahan golongan
muda ke bandar-bandar besar untuk
mencari pekerjaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

DPN3 telah digubal untuk tempoh 1998 – 2010 dengan objektif utama untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian. Secara khusus objektif DPN3 adalah untuk:-

- i. meningkatkan sekuriti makanan;
- ii. meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian;
- iii. meningkatkan lagi rangkaian dengan sektor lain;
- iv. mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru bagi sektor pertanian; dan
- v. memulihara dan menggunakan sumber semula jadi secara mapan.

DPN3 yang diperkenalkan berjaya mentransformasikan sektor pertanian ke arah sektor yang dinamik dan berdaya saing untuk terus memberi sumbangan kepada ekonomi negara dan juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru terutama dalam

bidang pemrosesan makanan dan industri asas tani. Dasar ini telah berjaya mentransformasikan sektor pertanian ke arah sektor yang dinamik dan berdaya saing untuk terus memberi sumbangan kepada ekonomi negara dan juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru terutama dalam bidang pemrosesan makanan dan industri asas tani.

Tuan Yang DiPertua,

Salah satu matlamat utama DPN3 adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran iaitu petani, penternak dan nelayan, di mana sebilangan besar golongan tersebut merupakan penduduk luar bandar yang terdiri daripada golongan miskin. Menyedari akan hakikat ini, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran tersebut seterusnya mengeluarkan mereka daripada dihipit kemiskinan. Usaha-usaha ini termasuklah menggiatkan pertanian melalui projek-projek kelompok berskala besar yang dapat memberikan pulangan yang tinggi hasil dari ekonomi bidangan (*economy of scale*).

Melalui projek-projek Padi 10 Tan, Ladang Merdeka dan Mini Estet Padi, Kerajaan berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi yang

dapat memberi pulangan yang lebih lumayan kepada pesawah padi seterusnya meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Pewujudan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) juga dilihat mampu memastikan peningkatan pendapatan petani yang terlibat dalam pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran.

Bagi meningkatkan taraf sosioekonomi golongan sasaran serta membasmi kemiskinan, tumpuan juga diberikan kepada program-program membelbagai dan mempertingkatkan pendapatan golongan tersebut. Program ini dilaksanakan oleh pelbagai Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Melalui program usahawan tani yang dijalankan sejak tahun 2006, seramai 836 peserta telah mendapat pendapatan bersih melebihi RM 2000 sebulan.

Tuan Yang DiPertua,

Walau bagaimanapun, memang kita akui bahawa antara cabaran besar yang dihadapi dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian adalah proses urbanisasi/ perbandaran yang

berlaku di mana tanah-tanah sawah dan tanah pertanian telah ditukar kegunaannya kepada kediaman, industri dan pembangunan-pembangunan lain. Sehingga kini, lebih kurang seluas 7,000 hektar tanah sawah di kawasan jelapang padi seperti MADA, KADA dan kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) telah ditukar kegunaannya kepada bukan pertanian seperti yang disebutkan tadi.

Bagi mengatasi masalah tersebut, antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian termasuklah mengazetkan kawasan-kawasan yang dikenal pasti sesuai untuk sesuatu tanaman sebagai zon Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) atau Zon Industri Akuakultur (ZIA). Kerajaan juga akan terus bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya tanah-tanah pertanian tidak ditukar kepada guna tanah lain dengan begitu mudah supaya ia dapat menjamin keluasan tanah pertanian.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai penghijrahan golongan muda ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan, ini adalah hasil daripada proses urbanisasi yang tidak mudah untuk di kawal. Bagi mengatasi masalah

tersebut, Kerajaan akan terus berusaha untuk menimbulkan minat dan kesedaran kepada golongan muda di luar bandar betapa pentingnya sektor pertanian kepada negara dan pertanian boleh dijadikan sebagai suatu kerjaya yang memberi pulangan tinggi sekiranya ia dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan mengusahakan pertanian sebagai satu perniagaan. Dalam hal ini, Kementerian sedang giat menjalankan promosi melalui “Kempen Pengiklanan dan Komunikasi bagi Mempromosikan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani” dan “Program Bicara Tani” ke seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran, minat dan usaha masyarakat khususnya golongan muda yang ingin menceburi bidang pertanian dan industri asas tani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. Datuk Ismail bin Kasim [Arau] minta **Perdana Menteri** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memastikan GLC-GLC sebagai agensi amanah Kerajaan untuk melaksanakan strategi dan program Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian (BCIC) bagi merencanakan lagi usaha pembangunan usahawan bumiputera di mana selain membangunkan agenda Bumiputera, juga untuk membantu meningkatkan kandungan tempatan dan merintis sektor pertumbuhan baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Tidak dapat dinafikan bahawa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan penting dalam membantu usaha kerajaan mencapai matlamat pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC). Ini dapat dilihat daripada pelbagai program keusahawanan yang dilaksanakan oleh GLC yang telah berjaya membangun dan melahirkan usahawan Bumiputera yang terlibat dalam bidang-bidang seperti pembuatan, perkhidmatan, francais, pembinaan, agribisnes, minyak dan gas. Antara program utama yang dilaksanakan adalah seperti pembangunan vendor, francais, kontrak dan perolehan, dan pendedaran.

Untuk makluman Y.B., sehingga 30 April 2008, sebanyak 1490 syarikat vendor telah berjaya dibangunkan melalui Program Pembangunan Vendor yang mana syarikat-syarikat ini telah mengeluarkan produk yang mempunyai nilai yang tinggi sebagai contoh dalam industri automotif untuk memenuhi keperluan PROTON dan PERODUA, telekomunikasi untuk keperluan TM, produk industri tenaga untuk TNB, minyak dan gas untuk PETRONAS dan produk berasaskan binaan untuk UEM.

Bagi program pembangunan francais, GLC juga melalui PNS dan PUNB telah berjaya melahirkan lebih 1027 francais di pelbagai bidang terutamanya dalam industri makanan, automotif dan pusat rawatan kecantikan.

Di bawah kontrak pembekalan dan perkhidmatan, GLC juga turut memberi peluang kepada usahawan Bumiputera yang mana nilai kontrak pada tahun 2007 bagi TM ialah melebihi RM1.7 bilion, melebihi RM560 juta untuk TNB, dan RM7 bilion oleh PETRONAS .

Kerajaan akan memastikan supaya GLC terus melaksanakan program yang mempunyai sasaran untuk membimbing, membangun dan meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dan enterpris yang berpotensi dalam bidang-bidang khusus di seluruh rantaian nilai ekonomi.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI]
TARIKH : 20 MEI 2008
SOALAN : Oleh Y.B. DATO' ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

- a) Berapa buah bot yang beroperasi di perairan kita mengikut Zon A, B dan C; dan
- b) Adakah benar penyalahgunaan E-Diesel berlaku dan berapakah tangkapan yang telah dibuat sejak 3 tahun kebelakangan ini dan mengapakah lesen-lesen sampan terlalu sukar hendak diberikan kepada nelayan-nelayan kecil yang hidup mereka rata-rata daif.

JAWAPAN : Oleh Y.B Menteri Pertanian Dan Industri
Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

a) Pada tahun 2006, bilangan vesel yang beroperasi di perairan Zon A adalah sebanyak 21,878 buah, Zon B sebanyak 3,562 buah, Zon C sebanyak 1,555 buah, C2 sebanyak 803 buah dan C3 sebanyak 22 buah. Bilangan vesel yang beroperasi bagi tahun 2007 belum diperolehi lagi.

b) Adalah tidak dinafikan bahawa terdapat kes penyalahgunaan diesel bersubsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada nelayan. Walau bagaimanapun, bilangan kes penyalahgunaan yang dicatatkan adalah terlalu kecil. Bilangan kes tangkapan yang telah dilaporkan oleh Jabatan/Agensi penguatkuasa iaitu Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin dan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah sebanyak 20 kes sahaja.

Pembekuan pengeluaran lesen baru telah dilaksanakan sejak tahun 1983 dalam usaha Jabatan Perikanan agar sumber perikanan negara akan terus kekal untuk generasi nelayan masa hadapan. Pembekuan pengeluaran lesen baru merangkumi semua peringkat muatan vesel (termasuk sampan) kecuali vesel menangkap ikan di laut dalam. Tindakan membekukan pengeluaran lesen, dalam hal ini sampan,

adalah selaras dengan usaha bagi mengelak sampan berlebihan (kapasiti berlebihan) beroperasi di pesisiran pantai yang mana sumbernya telah didapati semakin berkurangan. Sebarang penambahan usaha menangkap ikan di kawasan ini akan memberi kesan negatif kepada sosio-ekonomi nelayan. Selain daripada itu, Jabatan berhasrat melindungi nelayan tulen di pesisiran pantai yang berlesen supaya hasil pendapatan mereka terus dalam keadaan yang menguntungkan dan aktiviti penangkapan ikan terus mapan.

SOALAN NO. 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)
TARIKH : 20 MEI 2008 (SELASA)
SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- a) berapakah peruntukan wang yang diperuntukkan untuk membantu golongan miskin dan ibu-ibu tunggal untuk setiap bangsa mengikut negeri; dan
- b) apakah inisiatif-inisiatif lain selain bantuan kewangan yang diadakan bagi meningkatkan taraf kehidupan golongan-golongan miskin atau ibu-ibu tunggal yang kurang berpendidikan terutamanya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan berbagai skim bantuan kewangan kebajikan kepada individu dan keluarga yang memerlukan. Peruntukan tahunan yang disediakan untuk golongan miskin dan ibu tunggal tanpa mengira kaum adalah sebanyak RM365 juta bagi tahun 2008. Walau bagaimanapun, agihan peruntukan 2008 mengikut kumpulan etnik belum dapat diberikan kerana pemberian bantuan adalah berdasarkan kepada keperluan dan kelayakan seseorang tanpa mengira kaum.
- Bagi tahun 2007, perbelanjaan untuk bantuan kewangan mengikut kumpulan etnik yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM322 juta adalah seperti berikut :-

Jadual 1 - Penerima Bantuan Kewangan JKM Mengikut Kumpulan Etnik Bagi Tahun 2007

Bil	Etnik	2007	
		Bil Kes	RM
1	Melayu	127,946	204,906,786
2	Cina	21,652	34,754,873
3	India	24,688	33,175,337
4	Psm	151	289,542
5	Psw	14,192	27,082,497
6	Psb	18,434	20,914,635
7	Lain-Lain	765	1,303,924
JUMLAH		207,828	322,427,595

* Catatan: Psm – Peribumi Semenanjung
Psw – Peribumi Sarawak
Psb – Peribumi Sabah

Jadual 3 - Bilangan Penerima Bantuan Kewangan JKM Mengikut Negeri bagi Tahun 2007

Bil	Negeri	Bil. Penerima Bantuan
1	Perlis	4,296
2	Kedah	12,045
3	Pulau Pinang	7,814
4	Perak	13,779
5	Selangor	10,206
6	Kuala Lumpur	9,179
7	Negeri Sembilan	8,451
8	Melaka	7,001
9	Johor	42,908
10	Pahang	12,134
11	Terengganu	20,176
12	Kelantan	16,439
13	Sarawak	19,842
14	Sabah	23,409
15	Labuan	149
Jumlah		207,828

- b) Selain bantuan kewangan, inisiatif-inisiatif lain yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi meningkatkan taraf kehidupan ibu-ibu tunggal adalah meliputi aspek pembangunan kapasiti dan sokongan emosi.

Sepanjang tahun 2006 hingga 2007, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melatih seramai satu ribu dua ratus lima puluh tiga (1,253) orang ibu tunggal dalam pelbagai bidang kemahiran seperti jahitan, masakan, kraftangan dan keusahawanan. Peruntukan berjumlah dua ratus lima puluh lima ribu tujuh ratus enam puluh tiga ringgit (RM255,763) telah disalurkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) khususnya persatuan ibu tunggal untuk melaksanakan program tersebut.

Kemahiran dan pembangunan kapasiti wanita juga ditingkatkan melalui program seperti literasi undang-undang yang merangkumi hak-hak wanita dalam perkahwinan melalui undang-undang syariah dan sivil yang merangkumi tuntutan harta sepencarian, wasiat, hukum fara'id, tuntutan nafkah, hak penjagaan anak dan pendaftaran perkahwinan.

Selain itu, JPW juga menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk membantu ibu-ibu tunggal yang berhadapan dengan masalah termasuklah masalah keganasan

rumah tangga, anak-anak yang bermasalah, kewangan dan psikologi. Sesi kaunseling turut dianjurkan melalui bengkel-bengkel khusus bagi membantu golongan ibu tunggal menguruskan tekanan dan mempertingkatkan motivasi diri mereka. Pada tahun 2007, JPW telah melaksanakan sebanyak 7 siri bengkel kesejahteraan emosi khusus untuk ibu tunggal yang telah disertai oleh 579 orang ibu tunggal.

Bagi menentukan nasib ibu tunggal lebih terbela, Kementerian melalui JPW juga sedang membuat kajian menyeluruh profil ibu tunggal bertujuan mengumpul data terkini, mengenal pasti masalah-masalah dan merancang program-program yang bersesuaian bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)
TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan sifar miskin tegar menjelang tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut perangkaan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang terkini yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran isi rumah yang masih berada dalam kategori miskin tegar pada tahun 2007 ialah 38,400 isi rumah atau 0.7 peratus. Kerajaan sedar, matlamat ini memerlukan usaha yang gigih dan penyusunan strategi yang rapi. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyusun pelbagai langkah yang sedang dan akan terus dilaksanakan bagi membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar yang disasarkan untuk dicapai menjelang tahun 2010. Langkah-langkah pembasmian kemiskinan memfokuskan kepada aspek keperluan sosio-ekonomi masyarakat miskin. Selain penyediaan amenities asas seperti perumahan dan akses kepada kemudahan dan keperluan

asas, program utama yang dilaksanakan turut merangkumi projek untuk membantu golongan sasaran menjana pendapatan, penyediaan latihan kemahiran kepada golongan belia, pendidikan anak-anak dan program kredit mikro untuk membolehkan golongan miskin memulakan perniagaan yang bersesuaian secara kecil-kecilan. Dalam hubungan ini, negeri-negeri yang mempunyai insiden kemiskinan yang masih tinggi seperti Sabah, Terengganu dan Kelantan disediakan peruntukan yang lebih besar di bawah RMKé-9 bagi pelaksanaan program dan projek pembasmian kemiskinan. Selain kemiskinan di luar bandar, Kerajaan juga memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan di bandar. Antara program yang sedang dilaksanakan termasuk bantuan kemudahan perumahan dan kesihatan, bantuan pendidikan dan latihan serta peluang pekerjaan. Kerajaan juga pada masa ini sedang memperhalusi program pembasmian kemiskinan yang berimpak tinggi untuk dilaksanakan di bawah pembangunan koridor seperti projek Agropolitan bagi memastikan matlamat pembasmian kemiskinan sifar dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah mengemaskini mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan ke arah mencapai matlamat pembasmian kemiskinan. Dalam pembasmian kemiskinan ini, usaha Kerajaan juga perlu disokong. Oleh itu, peranan aktif pelbagai pihak lain juga amat diperlukan. Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) juga digalakkan untuk terlibat secara lebih aktif bagi menyokong usaha Kerajaan melalui pelbagai aktiviti di bawah tanggungjawab korporat sosial

mereka. Selain itu, golongan sasar, iaitu isi rumah miskin tegar juga perlu bekerja keras bagi meningkatkan produktiviti dan bersikap positif bagi menjayakan pelaksanaan program-program yang disertai oleh mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI MOHAMED BIN
HAJI AZIZ
(SRI GADING)**

TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan setakat mana pembangunan prasarana, api air dan jalan berjaya dilaksanakan di luar bandar.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, perancangan dan pelaksanaan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) oleh Kementerian ini adalah berdasarkan bilangan rumah yang ada di kawasan luar bandar. Berdasarkan statistik tahun 2000, terdapat sejumlah 1,506,096 buah rumah di Semenanjung Malaysia, 282,210 buah rumah di negeri Sabah dan 256,546 buah rumah di negeri Sarawak.

Sehingga tahun 2007, sejumlah 1,460,913 buah rumah atau 97.0% kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia telah mendapat bekalan air bersih manakala sejumlah 1,485,010 buah rumah atau 98.6% kawasan pula telah mendapat bekalan elektrik.

Bagi negeri Sabah pula, 63.0% iaitu melibatkan 177,792 buah rumah telah mendapat bekalan air bersih dan 76.3% atau 215,213 buah rumah telah dibekalkan elektrik, manakala di negeri Sarawak pula 62.0% atau 159,058 rumah telah mendapat liputan bekalan air bersih dan 84.1% atau 215,703 buah rumah telah mendapat manfaat bekalan elektrik.

Sehingga penghujung tahun 2007 juga, Kementerian telah berjaya menyiapkan pembinaan projek Jalan Luar Bandar (JALB) sepanjang 2,117.38 km di Semenanjung Malaysia, 291.96 km di negeri Sabah dan 512.36 km di negeri Sarawak. Tidak ketinggalan, Projek Jalan Kampung (PJK) sepanjang 46,540.53 km di Semenanjung, 5,467.43 km di negeri Sabah dan 4,492.61 km di negeri Sarawak juga telah dapat dinikmati bersama oleh masyarakat luar bandar.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai makluman ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tempoh RMK-9, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM1.1 billion bagi melaksanakan projek BALB, RM986.11 juta bagi projek BELB, RM2.5 billion untuk projek JALB serta RM1.0 billion untuk projek PJK seluruh Malaysia.

Kementerian akan meningkatkan lagi liputan bekalan air, bekalan elektrik serta jaringan jalan dalam RMK-9 berdasarkan peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian ini.

NO SOALAN: ~~18~~ 82**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN**DARIPADA: YB. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMPUT)****TARIKH: 20 MEI 2008 [SELAS.]****SOALAN:**

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta Perdana Menteri menyatakan adakah YAB Perdana Menteri akan mengarahkan Menteri Pelancongar menarik balik keputusan beliau membatalkan memorandum persefahaman berkaitan program pelancongan antara lima kerajaan negeri yang dikuasai kerajaan Pakatan Rakyat dengan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya tidak berhasrat untuk menarik balik keputusan berkenaan. Pembatalan Memorandum Persefahaman (MOU) berkaitan program pelancongan bukan satu langkah diskriminasi terhadap lima negeri yang dikuasai kerajaan Pakatan Rakyat.

Saya telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan tetap menyalurkan peruntukan kepada kelima-lima negeri ini walaupun MOU tersebut telah dibatalkan. Kerajaan Pusat juga sedia menerima sebarang cadangan daripada negeri-negeri berkenaan untuk memajukan semua aktiviti pelancongan yang dirancang.

Perlu ada keseimbangan dalam penganjuran aktiviti pelancongan di semua negeri dan tumpuan tidak sepatutnya hanya diberi kepada negeri-negeri tertentu sahaja. Ini penting kerana sektor pelancongan merupakan sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada pendapatan negara.

Begitu juga dengan projek-projek pembangunan yang lain, Kerajaan Pusat sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan semua negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. Apa yang penting, setiap projek pembangunan yang dirancang perlulah memberi keutamaan kepada aspek faedah dan manfaat maksimum yang dapat disampaikan kepada rakyat secara percuma keseluruhannya.

Ia juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjayakan setiap koridor wilayah pembangunan kerana kesemua rancangan pembangunan koridor bertujuan untuk merapatkan jurang antara wilayah dan mengubah nasib masyarakat di luar bandar, supaya sama-sama dapat menikmati hasil kemakmuran negara. Ini adalah agenda nasional Kerajaan Barisan Nasional tanpa mengambil kira pegangan politik kepartian.

SOALAN NO. 63

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI
KAWASAN : TENOM
TARIKH : 20.05.2008 (SELASA)

SOALAN

**Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM) MINTA MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan
apakah langkah-langkah bagi menjadikan Malaysia pengkalan
pelaburan di kalangan negara-negara Islam dari seluruh dunia dan
berapa banyak kemasukan modal negara-negara Islam ke Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjadikan Malaysia pengkalan pelaburan antarabangsa,
khususnya di kalangan negara-negara Islam, usaha-usaha Kerajaan
termasuklah menggalakkan pelaburan dalam pelbagai industri
perkilangan dan perkhidmatan dengan:

- mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;

- menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara menerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP);
- menawarkan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal, bagi projek besar dan berteknologi tinggi;
- menganjurkan pelbagai program penggalakan pelaburan, termasuk misi perdagangan dan pelaburan serta misi projek spesifik ke negara sumber pelaburan asing; dan
- mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan, misalnya menerusi Pasukan Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH yang ditubuhkan pada tahun 2007.

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia mempunyai potensi, dari segi sumber dan kredibiliti, untuk dibangunkan sebagai hab pengeluaran produk halal. Salah satu langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai pengkalan pelaburan di kalangan negara-negara Islam dari seluruh dunia adalah membangun serta menggalakkan pelaburan dalam industri halal, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh MITI dan agensinya untuk menggalakkan pelaburan dalam industri halal adalah:

- pemberian insentif kepada syarikat untuk membangunkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan halal, misalnya Elaun Cukai Pelaburan kepada syarikat yang melabur dalam

pengeluaran makanan halal dan diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- mengadakan aktiviti-aktiviti promosi terutamanya promosi produk dan perkhidmatan halal serta Standard Halal Malaysia. Antara aktiviti yang telah diadakan pada tahun 2008 adalah:
 - (i) Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) yang merupakan pameran perdagangan antarabangsa yang terbesar bagi barangan dan perkhidmatan halal seperti makanan dan perkhidmatan kewangan Islam; dan
 - (ii) taklimat berkenaan peluang-peluang pelaburan di Malaysia seperti seminar "Synergistic Investment Opportunities Between the UAE and Malaysia" di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

- menjalankan aktiviti pembinaan keupayaan terutamanya dalam bidang sistem pensijilan dan keselamatan makanan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2007, sebanyak RM3.2 billion pelaburan asing telah diluluskan daripada negara-negara Islam utama yang melabur di Malaysia dalam sektor perkilangan, berbanding RM 883 juta pada 2006. Pada suku pertama tahun 2008, sebanyak RM33.7 juta pelaburan asing daripada negara-negara Islam telah diluluskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN CHUA SOON BUI
(TAWAU)
TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab kehilangan lebih kurang seratus nama pengundi di kawasan Tawau dari senarai pemilih dalam Pilihan Raya Umum baru-baru ini. Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya memberi jaminan bahawa mereka ini layak mengundi dalam Pilihan Raya Umum yang akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak mempunyai maklumat berhubung dengan dakwaan kehilangan lebih kurang seratus nama pemilih dari kawasan Tawau dalam Pilihan Raya Umum baru-baru ini. Oleh yang

demikian, SPR tidak dapat mengesahkan kebenaran dakwaan tersebut dan tidak dapat menentukan sebab-sebab kehilangan nama pemilih berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 20 MEI 2008
RUJUKAN : 886

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk melarang parti politik yang berdasarkan perkauman. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk melarang permohonan penubuhan dan pendaftaran parti politik berdasarkan kaum di negara ini. Ini kerana hak bersatu teras termasuk menubuhkan parti politik adalah dijamin di bawah Perkara 10 Fasal (1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Sungguhpun demikian, kebebasan yang diberikan ini masih tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa. Perkara 10 Fasal (2)(c) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Kerajaan melalui undang-undang boleh mengenakan apa-apa sekatan yang perlu atau mustahak bagi menjamin keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak.

Di samping itu, di bawah seksyen 7(3) Akta Pertubuhan 1966 turut memperuntukkan bahawa Pendaftar Pertubuhan juga boleh mendaftar sesuatu pertubuhan tempatan selagi pada pendapatnya bahawa penubuhan sesuatu pertubuhan itu tidak menyalahi undang-undang menurut peruntukan Akta Pertubuhan

atau mana-mana undang-undang lain atau selagi tidak memudaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketenteraman atau akhlak di dalam Persekutuan.

SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)

TARIKH : 20 MEI 2008

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
MEMANDANGKAN LEBUHRAYA KL-PUTRAJAYA
MELALUI KAWASAN SERDANG, SAMA ADA

KERAJAAN MERANCANG UNTUK MEMBINA SATU JALAN KELUAR-MASUK UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK DI KAWASAN TERSEBUT DAN SEKIRANYA ADA, BILAKAH JALAN-JALAN TERSEBUT AKAN DIBINA.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
BUAT MASA INI PIHAK KERAJAAN TIADA
RANCANGAN UNTUK MEMBINA SATU
PERSIMPANGAN BERTINGKAT DI JALAN
PUCHONG – SERI KEMBANGAN (BANDAR PUTRA**

**PERMAI) SEBAGAI JALAN KELUAR MASUK KE
LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA.**